

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN DEPOSIT**

Mana-mana akaun yang telah dibuka dan sebarang pengendalian yang dibuat ke atas Akaun Deposit ini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di bawah:

**1. DEFINISI**

<b>Akaun Bersama</b>	:	merujuk kepada Akaun Deposit yang dibuka dan dikendalikan sekurang-kurangnya oleh dua (2) individu dan tidak lebih dari lima (5) orang.
<b>Akaun Deposit</b>	:	merujuk kepada Akaun GIRO, Akaun Simpanan, Akaun Deposit Berjangka termasuk mana-mana akaun sedia ada atau akaun baru yang akan diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
<b>ATM</b>	:	merujuk kepada Mesin Tunai Automatik yang dimiliki oleh Bank atau bank-bank atau institusi-institusi kewangan lain di bawah rangkaian PayNet atau rangkaian VISA ATM Global yang mengambil bahagian.
<b>Bank</b>	:	merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad atau dikenali sebagai "Agrobank" termasuk cawangan-cawangan serta penerima-penerima serah haknya.
<b>Baki Akhir Harian</b>	:	merujuk kepada jumlah baki dalam akaun pada hari tersebut, tidak termasuk jumlah terapung.
<b>Baki Pegangan</b>	:	merujuk kepada jumlah yang dianggarkan oleh Bank sebagai jumlah bagi mana-mana dan keseluruhan Transaksi Kad yang dilakukan ke atas kad tetapi belum didebitkan dari akaun.
<b>BNM</b>	:	merujuk kepada Bank Negara Malaysia.
<b>Borang Permohonan</b>	:	merujuk kepada Borang Pembukaan Akaun Deposit yang dilengkapkan oleh Pelanggan dengan butiran yang diperlukan bagi pembukaan akaun.
<b>Caj-caj</b>	:	merujuk kepada caj-caj perbankan oleh Bank untuk apa-apa perkhidmatan yang disediakan kepada Pelanggan selaras dengan dasar/arahan/garis panduan daripada BNM dan telah dimaklumkan kepada Pelanggan.
<b>CDM</b>	:	merujuk kepada Mesin Deposit Tunai.
<b>DFIA</b>	:	merujuk kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) seperti dipinda atau disemak dari semasa ke semasa dan termasuk apa-apa pengubahsuaian statutori, pindaan atau enakmen semula dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.
<b>Had Belian</b>	:	merujuk kepada had maksimum untuk pemegang kad yang boleh digunakan di ruang kedai peniaga sah.

<b>Had Harian</b>	:	merujuk kepada had maksimum dibenarkan yang ditetapkan oleh Bank bagi pengeluaran tunai dan transaksi runcit yang dibuat dalam satu (1) hari.
<b>Harga Belian Bank</b>	:	merujuk kepada jumlah wang yang perlu dibayar oleh Bank bagi mengambil alih pemilikan ke atas Komoditi dari pihak Pelanggan secara Murabahah (Harga Kos + Keuntungan) sebagai sebahagian dari pelaksanaan transaksi Tawarruq.
<b>Harga Kos</b>	:	merujuk kepada jumlah prinsipal deposit Pelanggan bagi membeli Komoditi daripada pembekal komoditi secara tunai.
<b>Hari Perniagaan</b>	:	merujuk kepada hari di mana Bank dan institusi-institusi kewangan lain menjalankan perniagaan.
<b>Hamish Jiddiyah</b>	:	merujuk kepada amaun yang diperoleh Pelanggan hasil dari akujanji (wa'd) Bank bagi membeli Komoditi daripada Pelanggan. Nilai tersebut akan dianggap sebagai deposit sekuriti sehingga transaksi jual beli komoditi selesai dilaksanakan.
<b>Hibah</b>	:	merujuk kepada pemindahan pemilikan aset atau hadiah daripada penderma kepada penerima dilakukan tanpa sebarang syarat pertimbangan ganjaran.
<b>Kad Agro Debit-i</b>	:	merujuk kepada mana-mana kad debit Visa yang dikeluarkan oleh Bank bagi membolehkan pemegang kad mempunyai akses elektronik kepada Akaun Simpanan/GIRO serta menjalankan transaksi perbankan tertentu tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.
<b>Kadar Keuntungan Efektif (KKE)</b>	:	merujuk kepada kadar keuntungan yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa bagi pengiraan keuntungan terakru yang akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan/GIRO Pelanggan yang mengguna pakai kontrak Syariah Tawarruq.
<b>Kadar Keuntungan Siling (KKS)</b>	:	merujuk kepada kadar siling yang diguna pakai dalam pengiraan Harga Belian Bank bagi Akaun Deposit berasaskan kontrak Syariah Tawarruq.
<b>Komoditi</b>	:	merujuk kepada jenis-jenis Komoditi yang terlibat di dalam setiap transaksi pembelian berkaitan dengan Akaun Deposit yang menggunakan kontrak Syariah Tawarruq dan dibenarkan oleh Syariah seperti minyak kelapa sawit mentah, kacang soya/minyak kacang soya mentah, getah/susu getah asli/ <i>Standard Malaysian Rubber (SMR)</i> , <i>soap noodle</i> , biji koko atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh pembekal komoditi.
<b>Murabahah</b>	:	merujuk kepada Harga Kos dicampur dengan Keuntungan di mana jumlah tersebut perlu dimaklumkan kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam transaksi Tawarruq.

- MyDebit** : merujuk kepada instrumen pembayaran kad yang disediakan dan hanya diterima di terminal berdaftar dibawah MyDebit.
- PDPA** : merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) sebagaimana yang dipinda atau disemak dari semasa ke semasa dan termasuk apa-apa pengubahsuaian berkanun, penggubalan semula pindaan dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.
- PayNet** : merujuk kepada 'Payments Network Malaysia Sdn Bhd (*dahulu dikenali sebagai Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MEPS)*).
- Pelanggan** : merujuk kepada pemegang akaun dan pendeposit termasuk individu, perkongsian, pemilikan tunggal, syarikat, kelab, persatuan, organisasi dan badan-badan berkanun dan yang mana berkenaan, wakil yang dilantik dan pengganti hak milik melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- Perbankan Internet** : merujuk kepada sistem perbankan internet yang membolehkan Pelanggan melaksanakan transaksi perbankan atas talian yang dikendalikan oleh pengendali Bank yang dijamin.
- Perkhidmatan** : merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Bank berhubung dengan akaun atau berdasarkan arahan dari pemegang akaun atau melalui ATM, mesin deposit tunai, mesin deposit cek, telefon, telefon bimbit dan internet.
- PIN** : merujuk kepada nombor pengenalan peribadi yang dikeluarkan kepada pemegang kad.
- POS** : merujuk kepada "*Point of Sale*".
- Rebat (Ibra')** : merujuk kepada 'penepian ke atas hak tuntutan' yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mempunyai kewajipan yang disebabkan olehnya. Ini adalah terpakai bagi Akaun Deposit yang menggunakan kontrak Syariah Tawarruq di mana Pelanggan bersetuju untuk memberi rebat (ibra') kepada pihak Bank ke atas Harga Belian Bank pada Tarikh Matang atau Tarikh Tamat Tempoh Akad.
- Slip Jualan** : merujuk kepada resit yang dikeluarkan oleh peniaga selepas sesuatu transaksi.
- SST** : merujuk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan yang dilaksanakan di bawah peruntukan Akta Cukai Jualan 2018 (Akta 806) dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta 807).

- Surat Kuasa Pentadbiran** : merujuk kepada suatu pemberian perwakilan dari Mahkamah Tinggi atau Pentadbir Tanah Daerah secara formal atau rasmi melantik seseorang atau beberapa orang yang diberikan dengan pemberian perwakilan berkenaan dengan kuasa-kuasa untuk menguruskan aset-aset dan liabiliti-liabiliti si mati, sama ada sebagai “Pentadbir” dalam kes pemberian Surat Kuasa Pentadbir atau sebagai “Wasi” dalam kes Geran Probet.
- Tarikh Kuat Kuasa Deposit** : merujuk kepada tarikh di mana transaksi deposit dikreditkan atau dilunaskan ke dalam Akaun Deposit Pelanggan.
- Tarikh Matang** : merujuk kepada tarikh atau tempoh luput bagi kontrak Murabahah.
- Tarikh Penamatan** : merujuk kepada tarikh di mana Pelanggan membuat penyelesaian awal Harga Belian Bank sebelum Tarikh Matang.
- Tarikh Sah** : merujuk kepada tarikh luput yang dicetak pada kad.
- Tarikh Tamat Tempoh Akad** : merujuk kepada tarikh atau tempoh matang bagi kontrak Murabahah. Tarikh Tamat Tempoh Akad bagi Akaun Simpanan/GIRO ditetapkan pada 31 Disember pada setiap tahun. Pembaharuan akad akan dilaksanakan oleh Pihak Ibu Pejabat Agrobank pada Hari Perniagaan seterusnya setelah Tarikh Tamat Tempoh Akad.
- Terma & Syarat** : merujuk kepada Terma dan Syarat ini dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan penambahan yang dibuat dan dimaklumkan kepada Pelanggan dari semasa ke semasa oleh pihak Bank, melalui, jika dinyatakan sebaliknya di sini, di laman sesawang Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) dan hendaklah terpakai untuk semua jenis akaun melainkan sebaliknya jika dinyatakan secara khusus jenis Akaun Deposit yang terpakai.
- Transaksi Kad** : merujuk kepada transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan kad termasuk pengeluaran, pembelian runcit, pembelian dalam talian, pemindahan dana, pembayaran bil dan apa-apa perkhidmatan lain yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- VISA** : merujuk kepada *Visa International Service Association*, sebuah syarikat yang ditubuhkan di State of Delaware, yang mempunyai ibu pejabat di 900 Metro Centre Boulevard, Foster City, State of California, United States of America 94404 yang mana Bank adalah ahli utama.
- VISA Paywave** : merujuk kepada penggunaan kad dengan menyentuh kad dengan jarak empat sentimeter (4cm) pada terminal peruncit untuk pembelian.

**Wakalah** : merujuk kepada kontrak ejensi di mana satu (1) pihak akan melantik satu (1) pihak yang lain sebagai ejennya bagi melaksanakan tugas-tugas tertentu secara sukarela atau dengan mungkin dikenakan caj atau fi. Di bawah transaksi Tawarruq, Pelanggan akan melantik pihak Bank dengan melaksanakan akad semasa pembukaan akaun di mana pihak Bank akan menjadi ejen belian dan jualan bagi pihak Pelanggan berhubung dengan pembelian dan penjualan Komoditi.

Terma-terma berikut hanya terpakai untuk Akaun Simpanan Agro Farah-i:-

**Agro Farah-i** : merujuk kepada Akaun Simpanan (Penyata) berasaskan kontrak Syariah Tawarruq yang direka khusus bagi individu wanita yang mempunyai status warganegara Malaysia, penduduk tetap atau bukan warganegara Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas semasa pembukaan Akaun Utama yang direka bagi menghargai peranan wanita dalam institusi kekeluargaan dengan menawarkan Bonus tambahan kepada Pemegang Akaun.

**Akaun Sub** : merujuk kepada akaun simpanan dan/atau akaun GIRO Agrobank yang dikendalikan oleh Suami dan/atau Anak kepada Pemegang Akaun Utama. Setiap satu (1) Akaun Sub hanya boleh dipautkan ("*linked*") kepada satu (1) Akaun Utama.

**Akaun Utama** : merujuk kepada Akaun Simpanan Agro Farah-i. Akaun Utama ini boleh dipautkan ("*linked*") kepada beberapa Akaun Sub.

**Anak** : merujuk kepada anak jagaan sah kepada Pemegang Akaun Utama. Pendaftaran/pautan akaun simpanan dan/atau akaun GIRO bagi Anak sebagai Akaun Sub kepada Akaun Utama adalah tertakluk kepada dokumen pendaftaran dan/atau dokumen penjagaan anak yang sah.

**Bonus** : merujuk kepada insentif tambahan yang diberikan oleh pihak Bank atas budibicara kepada Pemegang Akaun Simpanan Utama. Bonus (sekiranya ada) akan dikreditkan ke dalam Akaun Utama setiap satu (1) hari bulan pada bulan yang berikutnya atau pada bila-bila masa yang ditentukan pihak Bank.

**Pemegang Akaun Utama atau Pelanggan** : merujuk kepada individu wanita yang mempunyai status warganegara Malaysia, penduduk tetap atau bukan warganegara Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas semasa pembukaan Akaun Utama.

**Suami** : merujuk kepada suami kepada Pemegang Akaun Utama yang memiliki dokumen sokongan bagi menentukan taraf perkahwinan yang sah.

## 2. PRINSIP SYARIAH

Prinsip Syariah yang digunakan adalah seperti berikut:-

### 2.1 QARD

2.1.1 Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang dari pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam adalah terikat untuk membayar balik jumlah yang sama dengan amaun pinjaman. Bank sebagai peminjam dalam situasi ini akan bertanggungjawab untuk membayar balik kesemua deposit dari pihak Pelanggan (pemberi pinjaman) apabila diminta menurut Terma dan Syarat ini.

2.1.2 Pelanggan membenarkan pihak Bank untuk menggunakan sebahagian atau keseluruhan wang simpanan tersebut di dalam mana-mana aktiviti perbankan (pembiayaan atau pelaburan) yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah dan yang dibenarkan di bawah DFIA dan BNM.

### 2.2 TAWARRUQ

2.2.1 Merujuk kepada dua (2) kontrak jual beli. Transaksi pertama melibatkan penjualan Komoditi oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Kemudiannya, pembeli pada transaksi jualan yang pertama akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.

2.2.2 Di bawah transaksi ini, Bank bertindak sebagai wakil bagi pihak Pelanggan akan membeli Komoditi daripada pembekal komoditi secara tunai mengikut Harga Kos (jumlah prinsipal deposit Pelanggan). Seterusnya, Bank akan mengambil alih pemilikan Komoditi dengan membuat pembelian daripada pihak Pelanggan (Bank bertindak sebagai ejen jualan) berdasarkan konsep Syariah Murabahah (harga kos dicampur keuntungan) dengan bayaran secara tertangguh. Seterusnya, pihak Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi secara tunai.

2.2.3 Bank akan membeli Komoditi daripada Pelanggan setelah Bank (sebagai wakil Pelanggan) membeli Komoditi tersebut daripada Pembekal Komoditi. Bagi menunjukkan kesungguhan Bank dalam melaksanakan transaksi pembelian Komoditi dari pihak Pelanggan, Bank akan membayar deposit sekuriti (Hamish Jiddiyyah) kepada Pelanggan (sekiranya perlu) di mana setelah transaksi pembelian Komoditi berjaya dilaksanakan, deposit sekuriti tersebut akan menjadi sebagai sebahagian daripada penyelesaian Harga Belian Bank yang perlu dibayar.

2.2.4 Transaksi Agensi. Perlantikan pihak Bank sebagai ejen bagi melaksanakan urusan jual dan beli Komoditi adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Pembukaan Akaun Deposit dan Terma dan Syarat berikut hendaklah digunakan:

- a. Pelanggan bersetuju bahawa pelantikan Bank sebagai ejen (wakil) berdasarkan prinsip Syariah Wakalah (Kontrak Perwakilan) dan Bank menerima pelantikan untuk melaksanakan Transaksi Perwakilan bagi pihak Pelanggan berdasarkan Terma dan Syarat yang dinyatakan.

- b. Sehubungan dengan kuasa, budi bicara, kebenaran dan kewajipan di bawah Terma dan Syarat ini, Bank hendaklah bertindak sebagai ejen bukan eksklusif dan terhad setakat yang diperuntukkan dengan nyata dalam Terma dan Syarat ini dan yang berkaitan dengan Transaksi Perwakilan dari semasa ke semasa dan Bank hendaklah sebaliknya tidak dianggap sebagai ejen untuk dan bagi pihak Pelanggan dalam sebarang aspek-aspek yang lain.
- c. Kesemua pihak bersetuju bahawa pelantikan Bank sebagai ejen berkuatkuasa apabila Bank menerima persetujuan daripada Pelanggan untuk pelantikan Bank sebagai ejen Pelanggan melalui Borang Permohonan Pembukaan Akaun Deposit atau mana-mana medium komunikasi yang diterima pakai oleh kesemua pihak.
- d. Melalui pelantikan ejen tersebut, Bank hendaklah membeli Komoditi bersamaan dengan harga yang dinyatakan oleh Pelanggan secara tunai daripada Pembekal Komoditi. Transaksi pembelian Komoditi akan dilaksanakan oleh pihak Bank pada Hari Perniagaan yang berikutnya berdasarkan laporan harian bagi transaksi pembelian Komoditi. Mana-mana transaksi pembelian yang dijalankan bagi pihak Pelanggan, Bank hendaklah mendaftarkan pemilikan Komoditi tersebut atas nama atau rekod yang merujuk kepada Pelanggan.
- e. Pelanggan bersetuju bahawa pembelian Komoditi yang dibuat oleh pihak Bank sebagai wakil Pelanggan juga boleh dilaksanakan secara pukal melibatkan pembelian bagi pihak Pelanggan-Pelanggan yang lain.
- f. Pelanggan bersetuju bahawa pembelian yang dibuat oleh Bank sebagai wakilnya adalah berdasarkan asas sedia ada ("*as is where is basis*") dan Pelanggan bersetuju mengetepikan tanggungan Bank terhadap sebarang kerosakan dan/atau kecacatan barang yang dibeli oleh Bank bagi pihak Pelanggan.
- g. Merujuk kepada Perkara 2.2.4 (d), Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank akan memberikan pendahuluan berdasarkan prinsip Syariah Qard (Pinjaman) untuk menampung Harga Kos bagi pembelian Komoditi bagi pihak Pelanggan sekiranya baki deposit Pelanggan pada hari pelaksanaan pembelian Komoditi adalah kurang daripada jumlah yang dinyatakan dalam laporan harian bagi transaksi pembelian Komoditi. Walaubagaimanapun, jumlah penyelesaian Harga Belian Bank hendaklah mengambil kira jumlah bersih setelah ditolak (muqassah) dengan jumlah pendahuluan Bank.
- h. Melainkan dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh Pelanggan, setelah selesai setiap Transaksi Pembelian Komoditi, Bank hendaklah membeli Komoditi tersebut daripada Pelanggan (Bank sebagai wakil) berdasarkan konsep Syariah Murabahah (harga kos dicampur keuntungan) dengan bayaran secara tangguh. Setiap transaksi Belian Murabahah hendaklah dibuat pada tarikh yang sama setelah transaksi pembelian Komoditi selesai.

- i. Setelah selesai transaksi jualan, Bank bertindak bagi pihak Pelanggan hendaklah segera memindahkan pemilikan, hak, dan kepentingan Komoditi kepada Bank dan Pelanggan hendaklah dengan segera membolehkan Bank mengambil alih pemilikan Komoditi tersebut.
- j. Pelanggan adalah berhak untuk meminta pada bila-bila masa dari Bank dan Bank hendaklah dalam keadaan sedemikian menyediakan butiran transaksi jualan yang dibuat oleh Bank bagi pihak Pelanggan.
- k. Pelantikan Bank sebagai ejen Pelanggan juga berkuatkuasa bagi aktiviti pembaharuan secara automatik ("*auto-renewal*") dan penempatan deposit baru ("*new deposit placement*") bagi Pelanggan sedia ada.
- l. Pembaharuan secara automatik adalah tertakluk kepada Kadar Keuntungan semasa yang ditetapkan oleh pihak Bank pada tarikh pembaharuan kecuali mendapat kelulusan pihak Bank untuk meneruskan pada kadar istimewa.

2.2.5 Belian Murabahah. Transaksi Belian Murabahah yang akan dilakukan antara pihak Bank dan Pelanggan adalah tertakluk kepada terma dan syarat berikut:

- a. Setelah Bank bertindak sebagai wakil Pelanggan membeli Komoditi, Bank akan membeli Komoditi tersebut daripada Pelanggan (Bank sebagai wakil) dengan menandatangani tawaran Pembelian Murabahah pada skrip akad jual beli Murabahah (Deposit) dan seterusnya Bank (sebagai wakil Pelanggan) hendaklah menandatangani penerimaan Belian Murabahah pada skrip akad jual beli Murabahah (Deposit) yang sama, melainkan dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh Pelanggan sebelum itu bahawa Pelanggan memilih untuk memiliki Komoditi tersebut.
- b. Belian Murabahah di antara Bank dengan Pelanggan (Bank sebagai wakil) hendaklah berlaku pada hari yang sama setelah pihak Bank membeli Komoditi tersebut bagi pihak Pelanggan.
- c. Apabila skrip akad jual beli Murabahah (Deposit) sempurna ditandatangani, Belian Murabahah dianggap telah berlaku dan selesai menurut Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini.
- d. Pembayaran Harga Belian Bank bagi setiap Belian Murabahah hendaklah dibuat oleh Bank kepada Pelanggan mengikut tatacara yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
- e. Kesemua pihak bersetuju bahawa Pelanggan mempunyai hak untuk mengeluarkan apa-apa jumlah Harga Belian Bank daripada akaun Pelanggan di Bank sebelum Tarikh Matang deposit.



- f. Bagi sebarang pengeluaran awal Harga Jualan yang dibuat oleh Pelanggan berkenaan dengan Belian Murabahah sebelum Tarikh Matang deposit, Pelanggan bersetuju memberi Ibra' (rebat) kepada Bank berdasarkan formula yang ditentukan dalam Terma dan Syarat ini.
- g. Sekiranya deposit sekuriti (Hamish Jiddiyah) dibayar secara pendahuluan (*upfront*), Pelanggan bersetuju bahawa deposit sekuriti tersebut tidak boleh digunakan sebelum pelaksanaan Belian Murabahah selesai.

2.3 Berikut adalah kontrak Syariah yang terpakai bagi Akaun Deposit:

2.3.1 Akaun Simpanan/GIRO

No.	Jenis Akaun	Kontrak Syariah
1.	Agro Basic Savings Account- <i>i</i> (AgroBSA- <i>i</i> )	<i>Qard</i>
2.	AgroPerdana- <i>i</i>	<i>Qard</i>
3.	AgroPerdana- <i>i</i> PLUS	<i>Tawarruq</i>
4.	AgroTani- <i>i</i>	<i>Qard</i>
5.	AgroTani- <i>i</i> PLUS	<i>Tawarruq</i>
6.	AgroMuda- <i>i</i>	<i>Qard</i>
7.	AgroMuda- <i>i</i> PLUS	<i>Tawarruq</i>
8.	Agro Farah- <i>i</i>	<i>Tawarruq</i>

2.3.2 Deposit Berjangka

No.	Jenis Akaun	Kontrak Syariah
1.	Fixed Return Islamic Account- <i>i</i> (FRIA- <i>i</i> )	<i>Tawarruq</i>
2.	FRIA- <i>i</i> 45PLUS	<i>Tawarruq</i>
3.	FRIA <i>On Lien</i>	<i>Tawarruq</i>
4.	AgroPrimaS	<i>Tawarruq</i>

**3. PEMBUKAAN AKAUN**

- 3.1 Permohonan pembukaan akaun hendaklah dibuat oleh individu itu sendiri atau wakil yang diberi kuasa oleh komuniti, kelab, persatuan, organisasi dan badan-badan berkanun pada borang yang disediakan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di bawah dokumen Terma dan Syarat ini. Pihak Bank berhak membuat pindaan syarat tersebut dari semasa ke semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.

### 3.1.1 Akaun Simpanan/GIRO

No	Jenis Akaun	Kategori Akaun	Deposit Permulaan Minimum
1.	Agro Basic Savings Account- <i>i</i> (AgroBSA- <i>i</i> )	Individu / Amanah / Bersama	RM20.00
2.	AgroPerdana- <i>i</i> (Akaun GIRO)	Individu (Buku) – Warganegara	RM20.00
		Individu (Buku) – Bukan Warganegara	RM50.00
		Individu (Penyata) – Warganegara	RM20.00
		Individu (Penyata) – Bukan Warganegara	RM100.00
		Bukan Individu (Penyata)	RM100.00
		Agensi Kerajaan / Cash Line	-
3.	AgroPerdana- <i>i</i> PLUS (Akaun GIRO)	Akaun Kutipan	RM1,000.00
		Bukan Individu (Penyata)	RM100.00
		Agensi Kerajaan / GLC	RM1,000.00
4.	AgroTani- <i>i</i>	Akaun Kutipan	RM1,000.00
		Individu – Warganegara	RM20.00
		Individu / Amanah – Bukan Warganegara	RM50.00
		Bersama – Warganegara / Bukan Warganegara	RM100.00
5.	AgroTani- <i>i</i> PLUS	Bukan Individu	RM100.00
		Individu – Warganegara	RM20.00
		Individu – Bukan Warganegara	RM100.00
6.	AgroMuda- <i>i</i>	Bersama – Warganegara / Bukan Warganegara	RM100.00
		Amanah / Minor	RM5.00
7.	AgroMuda- <i>i</i> PLUS	Amanah / Minor	RM5.00
		Akaun Luar ( <i>External</i> )	RM100.00
8.	Agro Farah- <i>i</i>	Individu – Warganegara	RM20.00
		Individu – Bukan Warganegara	RM100.00

### 3.1.2 Deposit Berjangka

No	Jenis Produk	Kategori Akaun	Deposit Permulaan Minimum (per sijil/penyata)	
			Tujuan/Tempoh	Amaun
1.	Fixed Return Islamic Account- <i>i</i> (FRIA- <i>i</i> )	Individu / Bersama / Bukan Individu	Deposit Sekuriti secara ' <i>upfront</i> '	RM5,000
			2 bulan & ke bawah	RM5,000
			3 bulan & ke atas	RM1,000
2.	FRIA- <i>i</i> 45PLUS	Individu / Bersama	Deposit Sekuriti secara ' <i>upfront</i> '	RM5,000
			2 bulan & ke bawah	RM5,000
			3 bulan & ke atas	RM1,000
3.	FRIA <i>On Lien</i>	Individu / Bersama / Bukan Individu	Tempoh	Amaun
			2 bulan & ke bawah	RM5,000
			3 bulan & ke atas	RM1,000
4.	AgroPrimaS	Individu / Bersama / Bukan Individu	RM500.00	

3.2 Pihak Bank boleh menolak mana-mana permohonan Pelanggan untuk membuka Akaun Deposit di mana Bank hendaklah, atas pertanyaan oleh Pelanggan, memberikan penerangan munasabah berhubung sebab-sebab penolakan dan jika perlu, untuk memberi nasihat kepada Pelanggan untuk tindakan selanjutnya. Walau bagaimanapun, notis bertulis akan diberikan sekiranya permohonan pembukaan Akaun AgroBSA-*i* Pelanggan ditolak oleh pihak Bank.

3.3 Pelanggan bersetuju untuk membuat deposit di bawah prinsip Syariah yang ditetapkan dan menurut Terma dan Syarat ini.

3.4 Sebarang jumlah wang yang didepositkan atau apa-apa jumlah wang yang didepositkan seterusnya ke dalam akaun dengan Bank hendaklah berdasarkan prinsip Syariah yang ditetapkan. Pihak Bank adalah berhak untuk menolak mana-mana deposit yang dikategorikan sebagai tidak memenuhi kriteria dan ketetapan Syariah sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

3.5 Transaksi di bawah AgroBSA-*i*

3.5.1 Pelanggan diberi pilihan untuk membuka AgroBSA-*i* tanpa caj fi tahunan dan dibenarkan menjalankan enam belas (16) transaksi bulanan dikecualikan, seperti berikut:

- a. Enam (6) lawatan percuma bagi transaksi yang dijalankan melalui kaunter Bank. Caj Ringgit Malaysia Lima Puluh Sen sahaja (RM0.50) bagi setiap lawatan akan dikenakan bagi lawatan ketujuh (7) dan ke atas;

- b. Lapan (8) transaksi percuma bagi pengeluaran wang yang berjaya melalui ATM / CDM (ini tidak termasuk transaksi pertanyaan baki simpanan atau pemindahan wang ke akaun lain). Caj transaksi sebanyak Ringgit Malaysia Satu sahaja (RM1.00) bagi setiap pengeluaran akan dikenakan bagi pengeluaran kesembilan (9) dan ke atas; dan
- c. Dua (2) transaksi Interbank GIRO (IBG) yang pertama hanya dikenakan bayaran sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Sen sahaja (RM0.50) per transaksi. Caj sebanyak Ringgit Malaysia Dua sahaja (RM2.00) bagi setiap transaksi akan dikenakan selepas dua (2) transaksi IBG yang pertama.

3.5.2 Sebagai alternatif, Pelanggan boleh memilih untuk pengeluaran di ATM dan Transaksi Kaunter Tanpa Had.

- a. Pelanggan berumur di bawah enam puluh (60) tahun  
Pemegang akaun diberi pilihan untuk membayar caj Fi Tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Lapan sahaja (RM8.00) untuk bilangan pengeluaran di ATM dan transaksi kaunter yang tiada had.
- b. Pelanggan berumur enam puluh (60) tahun dan ke atas (warga emas)  
Pengeluaran di ATM dan transaksi kaunter tanpa had. Caj Fi Tahunan adalah dikecualikan.

3.6 Bagi Akaun Deposit AgroMuda-*i*/AgroMuda-*i* PLUS Trust/Minor, produk ini akan ditukarkan secara automatik kepada AgroTani-*i*/AgroTani-*i* PLUS sekiranya umur Pemegang Akaun Utama (kanak-kanak) tersebut telah mencapai usia 18 tahun. Notis pemberitahuan akan diberikan kepada Pelanggan dalam masa empat belas (14) hari sebelum penukaran produk dilakukan.

3.6.1 Konsep Qard:

- AgroMuda-*i* akan ditukar kepada AgroTani-*i* atau mana-mana produk yang setara/lebih baik daripada AgroTani-*i*, tertakluk kepada keputusan Pengurusan Bank.
- Bayaran hibah adalah berdasarkan budi bicara Bank.

3.6.2 Konsep Tawarruq:

- AgroMuda-*i* PLUS akan ditukar kepada AgroTani-*i* PLUS atau mana-mana produk yang setara/lebih baik daripada AgroTani-*i* PLUS, tertakluk kepada keputusan pengurusan Bank.
- Bayaran keuntungan akan dibayar mengikut kadar semasa.

3.6.3 Pelanggan dibenarkan untuk menutup/menamatkan penggunaan akaun ini selepas penukaran produk berlaku sekiranya Pelanggan tidak bersetuju dengan keputusan Bank.

3.6.4 Notis akan diberikan oleh pihak Bank kepada Pelanggan secara persendirian melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS), pos atau mana-mana saluran yang difikirkan sesuai.

- 3.7 Bagi Akaun Deposit Berjangka, sijil atau penyata akaun akan dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pelanggan setelah akaun tersebut dibuka dan Pelanggan telah mendeposit jumlah simpanan pada Tarikh Kuat Kuasa Deposit bagi membolehkan Pelanggan (melalui Bank sebagai wakil Pelanggan) membeli komoditi bagi transaksi Tawarruq.
- 3.8 Bagi permohonan Kad Agro Visa Debit-*i*, Pelanggan hendaklah berusia dua belas (12) tahun ke atas (termasuk bukan pemastautin Malaysia) semasa tarikh permohonan kad. Sekiranya Akaun Simpanan/GIRO adalah akaun bersama, hanya SATU (1) kad akan dikeluarkan oleh Bank berdasarkan kuasa tandatangan yang diberikan dan dipersetujui oleh pemegang akaun.
- 3.9 Bagi pemilik berdaftar syarikat pemilikan tunggal dan perkongsian yang memiliki Akaun GIRO dengan Bank, Pelanggan layak untuk memohon SATU (1) kad di bawah nama syarikat perniagaan tunggal atau perkongsian. Kad hanya boleh dipegang atau digunakan oleh pemilik berdaftar syarikat perniagaan tunggal tersebut atau individu yang diberi kuasa untuk mengendalikan akaun syarikat.
- 3.10 Pemegang kad akan diberikan PIN semasa penyerahan kad dan perlu menukarnya semula kepada PIN peribadi. PIN tersebut adalah bertujuan untuk melakukan transaksi di ATM/CDM. Pemegang kad hendaklah tidak mendedahkan PIN kepada mana-mana individu dan hendaklah bertanggungjawab kepada Bank bagi mana-mana masukkan debit dalam akaun simpanan akibat daripada mana-mana transaksi yang tidak dibenarkan.
- 3.11 Walau bagaimanapun, pihak Bank mempunyai hak untuk meluluskan atau menolak sesuatu permohonan kad yang diterima di mana Bank hendaklah, atas pertanyaan oleh Pelanggan, memberikan penerangan munasabah berhubung sebab-sebab penolakan.

#### **4. BERKENAAN DENGAN AGRO FARAH-*i* SAHAJA**

##### **4.1 Bilangan Akaun**

- 4.1.1 Setiap Pelanggan hanya boleh membuka hanya satu (1) Akaun Utama. Pembukaan Akaun Utama melebihi satu (1) adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, pembukaan akaun simpanan dan/atau akaun GIRO yang lain adalah dibenarkan.
- 4.1.2 Setiap Akaun Utama boleh dipautkan ("*linked*") kepada beberapa Akaun Sub. Walau bagaimanapun, setiap Akaun Sub hanya boleh dipautkan ("*linked*") kepada satu (1) Akaun Utama sahaja.
- 4.1.3 Pendaftaran Akaun Utama sebagai Akaun Sub kepada Akaun Akaun Utama yang lain adalah tidak dibenarkan.

#### 4.2 Bonus

4.2.1 Pelanggan layak mendapat Bonus jika terdapat sekurang-kurangnya satu (1) Akaun Sub yang dipaut ("*linked*") bersama dengan Akaun Utama.

4.2.2 Pembayaran Bonus menggunakan kontrak Syariah Hibah Mu'allaqah. Pemegang Akaun Utama perlu memenuhi terma dan syarat yang dinyatakan dan layak menerima Bonus tambahan mengikut formula pengiraan yang ditetapkan seperti berikut:-

##### Formula Pengiraan Bonus

$$\text{Bonus} = (\text{Jumlah Keuntungan yang dikreditkan ke dalam Akaun Sub}) \times 50\%$$

Ilustrasi pembayaran Bonus adalah seperti jadual di bawah:

KATEGORI AKAUN	PEMEGANG AKAUN	BAKI BULANAN	KADAR KEUNTUNGAN (p.a.)*	KEUNTUNGAN BULANAN	BONUS DIKREDIT KE AKAUN UTAMA**
Utama	Wanita/ Ibu	RM5,000.00	1.00%	RM4.17	
Sub	Suami	RM5,000.00	1.00%	RM4.17	RM2.08
Sub	Anak 1	RM1,500.00	0.50%	RM0.63	RM0.31
Sub	Anak 2	RM1,500.00	0.50%	RM0.63	RM0.31
Sub	Anak 3	RM1,000.00	0.50%	RM0.42	RM0.21
Sub	Anak 4	RM1,000.00	0.50%	RM0.42	RM0.21
Sub	Anak 5	RM1,000.00	0.50%	RM0.42	RM0.21
<b>JUMLAH BONUS DIKREDIT KE AKAUN UTAMA</b>					<b>RM3.33</b>

##### NOTA:

\* Kadar keuntungan adalah bagi tujuan simulasi sahaja. Kadar keuntungan sebenar adalah tertakluk kepada KKE bagi setiap akaun simpanan dan/atau akaun GIRO.

\*\* Tambahan sebanyak lima puluh peratus (50%) berdasarkan keuntungan yang dikredit ke dalam Akaun Sub akan dikredit ke dalam Akaun Utama sebagai bayaran Bonus.

4.2.3 Bonus (sekiranya ada) akan dikreditkan ke dalam Akaun Utama setiap satu (1) hari bulan pada bulan yang berikutnya.

4.2.4 Bonus tidak akan dikredit ke Akaun Utama jika pautan dengan Akaun Sub dihentikan dan/atau sekiranya Akaun Sub ditutup sebelum keuntungan dibayar berdasarkan bulan yang lengkap.

4.2.5 Pelanggan perlu memastikan Akaun Utama dan Akaun Sub dalam keadaan aktif, tidak dikategorikan sebagai dorman (iaitu tiada transaksi dijalankan untuk tempoh dua belas (12) bulan atau lebih), atau dibekukan oleh pihak Bank di atas sebab-sebab yang tertentu.

4.2.6 Pembayaran Bonus adalah di atas budi bicara pihak Bank dan pihak Bank tidak mempunyai sebarang obligasi untuk membuat pembayaran Bonus kepada Pemegang Akaun Utama.

#### 5. PENGENDALIAN AKAUN

5.1 Bagi Akaun Simpanan/GIRO, Pelanggan boleh mengeluarkan atau menandatangani wang di ATM/CDM atau di kaunter Bank pada bila-bila masa, tertakluk kepada waktu operasi Bank.

- 5.2 Pelanggan yang ingin membuat pengeluaran wang di kaunter hendaklah hadir sendiri ke Bank, dengan mengemukakan bukti pengenalan diri serta buku akaun, sijil atau penyata akaun (jika berkenaan). Baki akaun yang dikendalikan oleh Individu, pengeluaran oleh pihak ketiga adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, pengecualian adalah diberikan bagi akaun Bukan Individu di mana pengeluaran wang melalui kaunter Bank boleh dilaksanakan oleh wakil yang dilantik oleh penandatanganan yang diberikuasa bagi akaun tersebut, tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.
- 5.3 Bagi Akaun Simpanan/GIRO, jumlah minimum untuk deposit atau pengeluaran melalui ATM dan CDM adalah tertakluk kepada denominasi yang tersedia manakala urusan melalui kaunter adalah Ringgit Malaysia Satu sahaja (RM1.00) kecuali penutupan akaun dan baki minimum yang perlu dikekalkan di dalam akaun adalah seperti jadual di bawah kecuali bagi akaun AgroPerdana-*i* bagi Jabatan Kerajaan/Agensi Kerajaan/Ejen Kutipan.

No.	Nama Produk	Baki Minimum
1.	AgroBSA- <i>i</i>	RM20.00
2.	AgroPerdana- <i>i</i> (Penyata)	RM100.00
3.	AgroPerdana- <i>i</i> (Buku – Warganegara)	RM10.00
4.	AgroPerdana- <i>i</i> (Buku – Bukan Warganegara)	RM50.00
5.	AgroPerdana- <i>i</i> PLUS (Akaun Bukan Individu)	RM100.00
6.	AgroPerdana- <i>i</i> PLUS (Agensi Kerajaan / Kutipan)	RM0.00
7.	AgroTani- <i>i</i>	RM10.00
8.	AgroTani- <i>i</i> PLUS (Akaun Perseorangan / Bersama)	RM10.00
9.	AgroTani- <i>i</i> PLUS (Akaun Luar)	RM20.00
10.	AgroMuda- <i>i</i>	RM10.00
11.	AgroMuda- <i>i</i> PLUS (Akaun Amanah / Minor)	RM10.00
12.	AgroMuda- <i>i</i> PLUS (Akaun Luar)	RM20.00
13.	Agro Farah- <i>i</i> (Warganegara)	RM10.00
14.	Agro Farah- <i>i</i> (Bukan Warganegara)	RM20.00

- 5.4 Untuk penggunaan Kad Agro Visa Debit-*i*, Bank akan menyimpan akaun pemegang kad untuk setiap kad yang dipegang dan semua transaksi yang dilakukan menggunakan Kad dan sebarang fi akan didebitkan oleh Akaun masing-masing.
- 5.5 Bagi Akaun AgroPerdana-*i* yang dibuka untuk Jabatan Kerajaan / Agensi Kerajaan / ejen kutipan, baki Ringgit Malaysia Sifar (RM0.00) adalah dibenarkan.
- 5.6 Pengeluaran antara cawangan boleh dibuat oleh pihak Pelanggan sendiri di mana-mana cawangan Bank seluruh Malaysia dengan mengemukakan bukti pengenalan diri serta Buku Akaun (jika berkenaan), tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.
- 5.7 Tiada had nilai pengeluaran cek antara Cawangan dan tertakluk kepada baki tunai akaun Bank di Cawangan berkenaan.
- 5.8 Akaun akan ditutup apabila Pelanggan mengeluarkan keseluruhan baki dalam akaun.
- 5.9 Pihak Bank adalah berhak untuk menutup mana-mana akaun Pelanggan dengan alasan munasabah dengan memberi notis terlebih dahulu secara bertulis.

- 5.10 Caj perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh sahaja (RM10.00) akan dikenakan terhadap Akaun Simpanan/GIRO yang ditutup kurang dari tempoh tiga (3) bulan dari tarikh ia dibuka.
- 5.11 Akaun Simpanan/GIRO akan ditutup secara automatik sekiranya ia berbaki sifar (0) bagi enam (6) bulan berturut-turut. Notis akan dikeluarkan kepada Pelanggan sebelum penutupan secara automatik dilakukan.
- 5.12 Proses pembukaan, pengendalian dan penutupan Akaun Deposit adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.

## **6. PENGGUNAAN KAD AGRO VISA DEBIT-*i***

- 6.1 Apabila menerima kad, pemegang kad hendaklah mengesahkan kad untuk penggunaan dengan menandatangani pada panel tandatangan di belakang kad. Pemegang kad juga akan diberikan PIN untuk kad. Pemegang kad tidak boleh pada bila-bila masa mendedahkan PIN kepada mana-mana individu di dalam apa jua keadaan atau dengan apa cara sekalipun sama ada secara sukarela atau sebaliknya. Dengan menggunakan kad, pemegang kad bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini (seperti yang mungkin diubah oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan).
- 6.2 Pemegang kad hanya boleh menggunakan kad tersebut untuk pembelian dan pembayaran di premis perniagaan terpilih yang patuh Syariah sahaja. Pemegang kad mengaku dan bersetuju bahawa jika kad itu digunakan untuk pembelian dan pembayaran di premis perniagaan yang tidak patuh Syariah, Bank berhak untuk menarik, menggantung dan/atau membatalkan penggunaan kad tersebut dengan memberikan notis munasabah kepada Pelanggan.
- 6.3 Pemegang kad hendaklah tidak membenarkan pihak ketiga untuk menggunakan kad atau memindah milik, atau menyerahkan kawalan atau pemilikan kad, atau menggunakan kad untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.
- 6.4 Sekiranya pemegang kad menggunakan kad untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan menerusi internet, laman web atau portal, pemegang kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan penggunaannya pada setiap masa.
- 6.5 Pemegang kad bersetuju bahawa memasukkan maklumat kad di internet hendaklah menjadi bukti mencukupi tentang kesahihan arahan yang telah dibuat. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap penggunaan kad sedemikian tanpa mengambil kira sama ada individu tersebut diberi kebenaran atau tidak dan tanpa mengambil kira keadaan semasa transaksi berlaku. Walau bagaimanapun, Bank berhak untuk tidak menyempurnakan transaksi sedemikian sekiranya Bank mempunyai sebab untuk meragui kesahihannya atau berpendapat bahawa transaksi tersebut tidak sah di sisi undang-undang atau sebaliknya tidak wajar untuk dilakukan atau atas sebarang sebab lain yang serupa dengan itu.
- 6.6 Pemprosesan transaksi yang dibuat menggunakan kad debit akan ditentukan oleh peniaga runcit.



- 6.7 Kad Agro Visa Debit-*i* tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Bank berhak untuk menamatkan kemudahan Kad Agro Visa Debit-*i* jika pemegang kad didapati menggunakan kad untuk aktiviti yang tidak menurut undang-undang.
- 7. PENGGUNAAN KAD AGRO VISA DEBIT-*i* BAGI TRANSAKSI LUAR NEGARA**
- 7.1 Apabila pemegang kad menggunakan kad di luar Malaysia, transaksi hendaklah dicaj dalam mata wang rasmi negara berkenaan dan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran dan pada masa yang ditentukan oleh Visa atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank merupakan ahli, atas budi bicara.
- 7.2 Bagi yang mana berkenaan, pemegang kad hendaklah memberi kuasa kepada Bank untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mematuhi Peraturan Kawalan Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh BNM berkaitan apa-apa transaksi luar negara.
- 7.3 Pemegang kad juga hendaklah memaklumkan Bank tentang hasratnya untuk berada di luar Malaysia bagi tempoh lebih daripada tiga puluh (30) hari.
- 8. PEMBAYARAN BALIK SELEPAS TRANSAKSI KAD AGRO VISA DEBIT-*i***
- 8.1 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh mana-mana peniaga runcit atau dalam talian walau apa pun sebabnya, termasuk mana-mana keengganan untuk menerima kad atau apa-apa pernyataan atau komunikasi lain yang dibuat berkaitan dengannya, atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barang-barang atau perkhidmatan. Pemegang kad hendaklah berhubung secara langsung dengan peniaga yang dibenarkan mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian dan tidak akan mempertikaikan sebarang bayaran yang dibuat oleh Bank dari akaun pemegang kad dalam tuntutan atau pertikaian tersebut.
- 8.2 Dalam keadaan tertentu, peraturan skim kad membenarkan pemegang kad untuk caj sesuatu transaksi kembali kepada peniaga yang dengannya transaksi telah dibuat sama ada dalam jumlah penuh atau sebahagian darinya (jika hak untuk pembayaran balik dibenarkan) tertakluk kepada aduan atau pertikaian secara bertulis telah dibuat kepada Bank oleh pemegang kad dalam tempoh **dua puluh satu (21)** hari perniagaan dari tarikh pengeposan urusan tersebut di dalam penyata akaun pemegang kad dan pemegang kad telah menyediakan maklumat yang perlu yang diminta oleh Bank untuk menyokong pembayaran balik dalam tempoh yang diminta.
- 8.3 Walau apapun dan tanpa menjejaskan keluasan klausa di dalam Terma dan Syarat ini, pemegang kad bersetuju secara nyata bahawa penggunaan kad adalah atas risiko sendiri dan akan menanggung semua risiko yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada penggunaan kad.
- 9. BUDI BICARA BANK BAGI PEMEGANG KAD AGRO VISA DEBIT-*i***
- 9.1 Bank berhak, pada bila-bila masa memberi notis dan jika perlu, sebab untuk menolak sebarang Transaksi Kad yang dikemukakan walaupun baki semasa dalam Akaun Pemegang Kad membolehkan Transaksi Kad yang dikemukakan oleh pemegang kad itu.

- 9.2 Bank berhak untuk berbuat seperti berikut, tertakluk kepada sebab yang munasabah diberikan:
- a. Menggantung hak pemegang kad untuk menggunakan kad atas sebab-sebab keselamatan, sepenuhnya atau berkenaan dengan kemudahan tertentu, dan/atau
  - b. Enggan mengeluarkan semula, memperbaharui atau menggantikan kad, tanpa menjejaskan obligasi pemegang kad di bawah Terma dan Syarat ini yang akan terus berkuatkuasa dan tiada pembayaran balik yuran tahunan akan dipulangkan jika hak untuk menggunakan kad digantung sedemikian oleh Bank atau jika kad tidak diperbaharui atau diganti.
  - c. Menggantung hak pemegang kad untuk menggunakan kad sepenuhnya atau berkenaan dengan keistimewaan bagi apa-apa urusan niaga dengan perniagaan tidak halal / aktiviti tidak patuh Syariah.

## **10. PENGECUALIAN LIABILITI BAGI PENGGUNAAN KAD AGRO VISA DEBIT-*i***

- 10.1 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas keengganan mana-mana peniaga atau institusi ahli Visa untuk menunaikan atau menerima kad atau untuk apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada pemegang kad atau mana-mana pihak lain oleh mana-mana peniaga. Sebarang aduan oleh pemegang kad hendaklah diselesaikan secara terus dengan peniaga dan institusi ahli Visa berkenaan dan tiada tuntutan terhadap peniaga atau institusi ahli Visa tersebut boleh ditolak dan dibuat tuntutan balas terhadap Bank.
- 10.2 Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa jua sebab ke atas ganti rugi yang ditanggung atau kerugian yang dialami oleh pemegang kad dalam apa jua keadaan sama ada atau tidak keadaan tersebut berkaitan atau timbul daripada Terma dan Syarat ini termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan kad tidak diterima atas apa-apa sebab jua oleh mana-mana peniaga, orang atau badan, penolakan kad oleh mana-mana ATM/CDM, sekatan kerana tidak memperbaharui kad atau pembatalan kemudahan atau di bawah mana-mana keadaan di mana Bank akan bertanggungjawab untuk bertindak dengan munasabah bagi melindungi hak-haknya di bawah peruntukan-peruntukan Terma dan Syarat ini.
- 10.3 Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya ia tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Terma dan Syarat ini disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana pertikaian perusahaan, peperangan, bencana alam atau apa-apa situasi yang di luar kawalan Bank, pekerjaanya atau ejennya.
- 10.4 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kecederaan kepada watak dan reputasi pemegang kad di dalam dan tentang penarikbalikan kad atau apa-apa permintaan untuk dipulangkan.
- 10.5 Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara kepada pemegang kad atas sebarang kesukaran, kerugian, kerosakan atau rasa malu dalam apa jua bentuk yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada apa-apa penafian transaksi yang dikemukakan.
- 10.6 Pemegang kad tidak boleh menyerahkan haknya di bawah Terma dan Syarat ini.

**11. HIBAH, KEUNTUNGAN DAN REBAT (IBRA')****11.1 AKAUN DEPOSIT BERASASKAN KONTRAK QARD (AKAUN SIMPANAN/GIRO)**

Pembayaran Hibah adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Bank. Hibah (sekiranya ada) akan dibayar kepada pihak Pelanggan pada kadar yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan akan dikredit pada setiap bulan atau pada jangka masa yang ditentukan oleh pihak Bank. Hibah (sekiranya ada) akan dikira setiap hari atau dengan apa-apa cara yang dianggap munasabah oleh Bank.

**11.2 AKAUN DEPOSIT BERASASKAN KONTRAK TAWARRUQ****11.2.1 Deposit Berjangka**

- a. Pembayaran keuntungan oleh Bank kepada pihak Pelanggan boleh dibuat secara bulanan, setengah tahunan, tahunan atau mana-mana tempoh masa mengikut kadar keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak tertakluk kepada jenis produk atau kempen menggunakan formula yang berikut:-

Pengiraan Keuntungan

$$\text{Keuntungan} = P \times R \times T/365 \text{ atau } 366$$

Di mana;

- P = Jumlah Prinsipal di dalam Ringgit Malaysia (RM)  
R = Kadar Keuntungan (%) yang dipersetujui semasa penempatan atau pembaharuan deposit.  
T = Tempoh dalam bilangan hari dari Tarikh Kuat Kuasa Deposit sehingga Tarikh Matang.

Pengiraan Harga Belian Bank

$$\text{Harga Belian Bank} = \text{Jumlah Prinsipal} + \text{Keuntungan}$$

- b. Pelanggan hendaklah memberikan rebat (ibra') kepada pihak Bank sekiranya berlaku mana-mana dari kejadian berikut:-

- Akaun Baru
- (i) Pengeluaran pramatang dibuat dalam tempoh kurang tiga (3) bulan dari Tarikh Kuat Kuasa Deposit di mana pihak Bank tidak akan membayar sebarang jumlah keuntungan dan Pelanggan perlu menanggung Fi Broker sebanyak 0.05% dari jumlah deposit atau Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00); yang mana lebih rendah dan Fi Broker tersebut adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (sekiranya ada).

$$\text{Rebat (Ibra')} = \text{Harga Belian Bank} - (P \times R \times t/365 \text{ atau } 366) - \text{FP}$$

Di mana,

- P = Jumlah Prinsipal di dalam Ringgit Malaysia (RM)  
R = Kadar Keuntungan (%) yang dipersetujui semasa penempatan atau pembaharuan deposit.  
T = Tempoh dalam bilangan hari dari Tarikh Kuat Kuasa Deposit sehingga Tarikh Penamatan.  
FP = Fi Pembrokeran

- (ii) Pengeluaran pramatang dibuat selepas tempoh tiga (3) bulan dari Tarikh Kuat Kuasa Deposit tetapi belum mencapai tempoh matang di mana pihak Bank tidak akan membayar sebarang jumlah keuntungan dan Pelanggan tidak tertakluk kepada pembayaran Fi Pembrokeran.

**Rebat (Ibra') = Harga Belian Bank - ( P x R x t/365 atau 366)**

Di mana,

- P = Jumlah Prinsipal di dalam Ringgit Malaysia (RM)  
R = Kadar Keuntungan (%) yang dipersetujui semasa penempatan atau pembaharuan deposit.  
T = Tempoh dalam bilangan hari dari Tarikh Kuat Kuasa Deposit sehingga Tarikh Penamatan.

- (iii) Sekiranya Pelanggan mengambil deposit sekuriti secara awal (*upfront*), Pelanggan hanya menerima jumlah berikut:-

**Rebat (Ibra') = Jumlah Prinsipal**

Di mana,

- P = Jumlah Prinsipal di dalam Ringgit Malaysia (RM)

- Bagi Akaun Pembaharuan:  
(i) Pengeluaran pra-matang di mana pihak Bank tidak akan membayar sebarang jumlah keuntungan dan Pelanggan tidak tertakluk kepada pembayaran Fi Pembrokeran.

**Rebat (Ibra') = Harga Belian Bank - ( P x R x T/365 atau 366)**

Di mana,

- P = Jumlah Prinsipal di dalam Ringgit Malaysia (RM)  
R = Kadar Keuntungan (%) yang dipersetujui semasa penempatan atau pembaharuan deposit.  
T = Tempoh dalam bilangan hari dari Tarikh Kuat Kuasa Deposit sehingga Tarikh Penamatan.

- c. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak untuk menolak jumlah rebat (ibra') yang diberikan Pelanggan kepada Bank dari jumlah prinsipal.
- d. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa apa-apa jumlah yang ditetapkan dan perlu dibayar oleh Bank kepada pihak Pelanggan ke dalam akaun tersebut adalah muktamad dan mengikat Pelanggan kecuali terdapat kesalahan yang nyata.
- e. Sekiranya tarikh matang deposit jatuh bukan pada Hari Perniagaan, Bank berhak melaksanakan pembayaran pada Hari Perniagaan berikutnya.

- f. Bagi Akaun Deposit Berjangka, melainkan Pelanggan mengemukakan suatu notis bertulis kepada Bank untuk menamatkan akaun tersebut pada tarikh matang, satu transaksi pembelian yang baru akan berkuatkuasa berdasarkan pelantikan ejen yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini dan tempoh deposit adalah selaras dengan tempoh yang dinyatakan dalam Borang Pembukaan Akaun.

#### 11.2.2 Akaun Simpanan/GIRO

- a. Pembayaran keuntungan dikira secara harian mengikut Kaedah Keuntungan Elektif (“KKE”) seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Jumlah keuntungan yang terakru akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan/GIRO Pelanggan pada setiap hujung bulan atau pada jangka masa yang ditentukan oleh pihak Bank. Formula yang digunapakai adalah seperti berikut:

##### Pengiraan Keuntungan Harian

$$\text{Keuntungan Harian} = \text{DBH} \times \text{KKE} / 365 \text{ atau } 366$$

Di mana;

DBH = Deposit Bersih Harian dalam Ringgit Malaysia (RM)

KKE = Kadar Keuntungan Efektif (%) bagi setiap produk atau Kempen / Akaun Utama untuk Agro Farah-*i*

##### Pengiraan Harga Belian Bank

$$\text{Harga Belian Bank} = \text{DBH} \times \text{KKS} \times \text{T} / 365 \text{ atau } 366$$

Di mana;

DBH = Deposit Bersih Harian di dalam Ringgit Malaysia (RM)

KKS = Kadar Keuntungan Siling (%) bagi setiap Produk atau Kempen / Akaun Utama untuk Agro Farah-*i*

T = Bilangan hari dari Tarikh Kuat Kuasa Deposit sehingga Tarikh Tamat Tempoh Akad (31 Disember pada setiap tahun)

- b. Struktur KKE adalah mengikut ketetapan bagi setiap produk atau kempen dan hendaklah ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa mengikut struktur yang berikut:-
- (i) Kadar Rata Tunggal;
  - (ii) Kadar Bertingkat berdasarkan Kadar Tunggal mengikut jumlah keseluruhan deposit;
  - (iii) Kadar Berasingan berdasarkan KKE yang berbeza bagi setiap baki akaun yang berada dalam julat yang ditetapkan.

Pengiraan Keuntungan Harian adalah tertakluk kepada keperluan baki minimum di dalam akaun dan ketetapan pada sistem Bank.

- c. Pelanggan bersetuju memberikan rebat (ibra') kepada pihak Bank sekiranya berlaku perkara-perkara yang berikut:-
- (i) Pengeluaran atau pemindahan wang simpanan sebelum Tarikh Tamat Tempoh Akad bagi tahun semasa (31 Disember pada tahun semasa);
  - (ii) Penutupan akaun dilakukan sebelum Tarikh Tamat Tempoh Akad bagi tahun semasa;
  - (iii) KKS semasa akad adalah lebih tinggi dari KKE;
  - (iv) Akaun Simpanan/GIRO dibekukan oleh Bank;
  - (v) Baki Akaun Simpanan/GIRO adalah kurang dari keperluan baki minimum.

Pengiraan rebat (ibra')

**Ibra' (Rebat) = Harga Belian Bank – Jumlah Keuntungan Terakru yang perlu dibayar.**

- d. Sekiranya berlaku perubahan pada Kadar Dasar Semalaman yang mengakibatkan KKE bagi pengiraan keuntungan harian adalah melebihi dari KKS yang diakadkan, jumlah lebihan yang dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan Pelanggan tersebut akan dikira sebagai Hibah (Hadiah) daripada Pihak Bank.

## 12. BUKU AKAUN DAN SIJIL

12.1 Pelanggan perlu memastikan Buku Akaun dan/atau Sijil (jika berkenaan dengan Akaun Deposit) disimpan dengan selamat dan dikehendaki melaporkan kepada Bank dengan segera secara bertulis berkenaan kehilangan, kecurian atau kemusnahan Buku Akaun dan/atau Sijil tersebut. Sekiranya Buku Akaun dan/atau Sijil hilang, dicuri, atau musnah, Pelanggan hendaklah mengemukakan kepada Bank surat ganti rugi mengikut *standard* Bank yang boleh didapati di mana-mana cawangan Bank yang terdekat yang telah dimatikan setem dengan apa-apa kos dan caj-caj yang berkaitan dengan Buku Akaun dan/atau Sijil telah pun dibayar oleh Pelanggan (sekiranya ada) sebelum pembayaran boleh dibuat atau satu salinan Sijil boleh dikemukakan semula atau Buku Akaun baru boleh dikeluarkan oleh Bank.

## 13. PENYATA AKAUN

### 13.1 Akaun Simpanan/GIRO

- a. Pemegang akaun digalakkan untuk mengaktifkan perkhidmatan perbankan di atas talian AgroNet untuk akses kepada penyata. Tiada Caj Perkhidmatan dikenakan bagi pengaktifan.
- b. Penyata yang dikeluarkan atas permintaan pemegang akaun adalah tertakluk kepada caj perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Lima sahaja (RM5.00) setiap permintaan, setiap akaun.

- c. Pemegang akaun dikehendaki memeriksa setiap butiran pada penyata dan dengan kadar segera melaporkan kepada Bank sekiranya terdapat kesalahan, ketidakaturan, perselisihan, tuntutan ataupun pengeluaran yang tidak dibenarkan atau mana-mana butiran yang dibuat, diproses atau dibayar hasil daripada pemalsuan, penipuan, kurang kuasa, kecuaiian atau pengeluaran dari pihak ketiga. Sekiranya tiada bantahan diterima oleh pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata dikeluarkan, penyata tersebut akan dianggap betul dan tepat.

#### **14. MESIN TELER AUTOMATIK (ATM) / KAD DEBIT**

- 14.1 Kad ATM / Kad Debit akan dikeluarkan untuk semua akaun yang berkenaan di atas permintaan Pelanggan. Caj sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh sahaja (RM10.00) akan dikenakan secara tahunan bagi pengeluaran kad ATM / VISA Debit-*i*.
- 14.2 Caj sebanyak Ringgit Malaysia Satu sahaja (RM1.00) akan dikenakan bagi setiap pengeluaran menggunakan ATM / CDM lain di bawah rangkaian PayNet. Caj sebanyak Ringgit Malaysia Dua Belas sahaja (RM12.00) akan dikenakan bagi menggantikan kad ATM / VISA Debit-*i* yang hilang.

#### **15. AKAUN DORMAN**

- 15.1 Akaun dorman ditakrifkan sebagai akaun tidak aktif yang tidak mempunyai sebarang transaksi (pengeluaran atau deposit) sama ada melalui kaunter, ATM atau Perbankan Internet selama dua belas (12) bulan berturut-turut atau lebih dan dikira dari transaksi terakhir yang dibuat oleh Pelanggan. Namun begitu, pengecualian diberikan kepada Akaun GIRO - AgroPerdana-*i* Jabatan Kerajaan/Agensi Kerajaan/Ejen Kutipan.
- 15.2 Notis akan diberikan oleh pihak Bank kepada Pelanggan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS), e-mel, pos berdaftar, kurier atau serahan fizikal.
- 15.3 Apabila akaun diklasifikasikan sebagai dorman, Pelanggan boleh memilih untuk mengaktifkan semula akaun atau menutup akaun tersebut. Pengaktifan semula akaun boleh dilakukan oleh Pelanggan sahaja (Pemegang Akaun) dengan mendeposit atau membuat pengeluaran di mana-mana cawangan Bank (melalui Kaunter Bank sahaja).
- 15.4 Jika tiada pengaktifan dari pihak Pelanggan dalam masa tujuh (7) tahun atau sehingga baki dalam akaun itu sifar (0), Bank berhak untuk menutup akaun tersebut dengan baki yang dinyatakan akan diserap oleh pihak Bank sebagai fi perkhidmatan. Caj fi perkhidmatan tahunan yang dikenakan adalah sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh sahaja (RM10.00) dan akan ditolak dari Akaun Simpanan/GIRO Pelanggan.
- 15.5 Bagi akaun dorman yang berbaki melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh sahaja (RM10.00), caj fi perkhidmatan tahunan akan dikenakan sehingga baki deposit dihantar ke Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Akta Wang Tak Dituntut).

#### **16. WANG TAK DITUNTUT**

- 16.1 Di bawah Akta Wang Tak Dituntut, mana-mana wang yang ada di dalam kredit sesuatu akaun yang tidak beroperasi dengan apa cara sekalipun oleh pihak Pelanggan bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". Pelanggan akan diberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum wang tersebut dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

**17. PERTUKARAN BUTIRAN**

- 17.1 Tiada perubahan alamat, tandatangan dan/atau butiran lain yang direkodkan dengan pihak Bank akan berkuatkuasa melainkan Pelanggan telah memberi notis kepada pihak Bank berkaitan perubahan butiran, dan tiada apa-apa yang akan terjejas dengan notis perubahan butiran yang mana pihak Bank tidak mempunyai pengetahuan pada masa sesuatu perubahan itu dibuat.
- 17.2 Pelanggan dikehendaki memberitahu pihak Bank secara bertulis dengan kadar segera dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank sekiranya terdapat perubahan tandatangan, penukaran rakan kongsi (untuk Akaun Perkongsian), penukaran pemegang amanah (untuk Akaun Persatuan), penukaran pertubuhan (untuk Akaun Syarikat), penukaran alamat ataupun sebarang maklumat penting di dalam rekod pihak Bank.
- 17.3 Bank berhak menolak untuk bertindak atas apa-apa arahan Pelanggan berkaitan dengan akaun bank Pelanggan melainkan dan sehingga Pelanggan telah mengemukakan semua dokumen yang dikehendaki oleh Bank termasuk mandat baharu.

**18. AKAUN BERSAMA**

- 18.1 Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk memasukkan kesemua jumlah yang diterima oleh pihak Bank melalui cek atau instrumen boleh niaga dibayar kepada salah seorang dari pemegang akaun bersama untuk dimasukkan ke dalam akaun bersama dan menyerahkan sebarang instrumen boleh niaga atau cek yang mungkin disimpan oleh pihak Bank kepada salah seorang dari pemegang akaun bersama.
- 18.2 Semua pemegang akaun bersama mesti hadir di bank untuk membuka akaun bersama. Di mana Bank diarahkan dan diberi kuasa untuk bertindak atas arahan mana-mana satu daripada pemegang akaun bersama, akaun tersebut boleh dikendalikan atau ditutup oleh mana-mana pemegang akaun bersama. Jika Bank diberi kuasa untuk bertindak atas arahan semua pemegang akaun bersama, akaun tersebut hanya boleh dikendalikan atau ditutup oleh semua pemegang akaun bersama, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 18.3 Jika Bank ragu-ragu tentang apa-apa arahan yang diberikan oleh salah seorang daripada pemegang akaun bersama atau lebih berkaitan dengan pengendalian akaun bersama, Bank berhak meminta pengesahan bertulis daripada semua pemegang akaun bersama sebelum melaksanakan arahan tersebut tanpa bertanggungjawab terhadap sesiapa daripada pemegang akaun bersama kerana berbuat demikian.
- 18.4 Semua pemegang akaun bersama dan berasingan bagi semua transaksi yang timbul daripada arahan tersebut. Jika Bank menerima arahan yang bercanggah, Bank boleh memilih untuk bertindak hanya menurut mandat kesemua pemegang akaun bersama dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab terhadap walau apa-apa kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan ganti rugi sekalipun disebabkan oleh keengganan Bank untuk bertindak tanpa mandat tersebut.
- 18.5 Pemegang akaun bersama hendaklah mengaku janji secara bersama dan berasingan untuk melindungi dan menjamin pihak Bank daripada sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan, perbicaraan, kos perbelanjaan dan apa jua liabiliti ketika mana dan di mana ia berlaku disebabkan oleh arahan dari mana-mana pemegang akaun bersama.



18.6 Pemegang akaun bersama bersetuju membenarkan, sekiranya berlaku kematian, kebangkrapan atau ketaksiuman ke atas mana-mana pemegang akaun bersama, segala transaksi termasuk pengaktifan, pengeluaran wang dan penutupan akaun bersama akan dikendalikan sepenuhnya oleh pemegang akaun bersama yang masih hidup. Apa-apa baki kredit dalam akaun bersama boleh dibayar kepada pemegang akaun bersama yang masih hidup, yang bukan bankrap atau yang siuman mengikut yang berkenaan, tertakluk pada pematuhan statutori (jika perlu) dengan undang-undang yang relevan yang diguna pakai pada masa itu, tertakluk kepada Bank ditanggung rugi oleh pemegang akaun bersama yang hidup terhadap apa-apa tuntutan yang mungkin dibuat terhadap Bank akibat pembayaran tersebut.

## 19. AKAUN SI MATI

19.1 Bagi semua jenis akaun selain akaun bersama, pemohon yang kriterianya dinyatakan di klausa 19.2 di bawah boleh membuat tuntutan ke atas akaun si mati dan/atau simpanan yang melibatkan si mati sehingga Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00), tertakluk kepada Bank ditanggung rugi oleh pemohon terhadap apa-apa tuntutan yang dibuat terhadap Bank akibat pembayaran yang dibuat oleh Bank dengan mengemukakan Sijil Kematian asal berserta salinan, Surat Akaun Berkanun dan surat menggantirugi di dalam format yang diterima oleh Bank serta dokumen-dokumen lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank.

19.2 Pemohon hendaklah berumur lapan belas (18) tahun ke atas dan mengikut turutan seperti berikut:

- (i) Pemegang Amanah
- (ii) Suami/Isteri/Anak-anak berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas
- (iii) Ibu bapa/Penjaga yang sah
- (iv) Adik-beradik kandung/tiri
- (v) Saudara-mara terdekat dengan bukti hubungan dengan si mati

19.3 Bagi permohonan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00) dan ke atas untuk akaun selain akaun bersama, permohonan boleh dilakukan oleh pemohon setelah mendapat Surat Kuasa Pentadbiran, Perintah Pembahagian Harta Pusaka atau perintah daripada Pengarah Insolvensi Malaysia yang diterima pakai oleh pihak Bank (mana-mana yang terpakai).

19.4 Bagi akaun bersama sahaja, permohonan boleh dibuat seperti berikut:

19.4.1 Permohonan hendaklah dibuat oleh pemegang akaun bersama yang masih hidup dengan mengemukakan sijil kematian asal dan semua dokumen lain yang diperlukan oleh Bank dan tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan.

19.4.2 Tertakluk kepada klausa 19.4.1 di atas, bagi akaun bersama yang melibatkan salah satu (1) daripada penandatanganan yang diberikuasa :

19.4.2.1 Dua atau lebih meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut hendaklah diserahkan kepada pemegang akaun bersama yang masih hidup setelah Bank menerima permohonan daripada pemegang akaun yang masih hidup tersebut.

19.4.2.2 Salah seorang meninggal dunia dan pemegang akaun bersama yang masih hidup adalah *minor*

Wang di dalam akaun bersama tersebut boleh dibekukan sehingga Bank menerima Suratkuasa Perintah daripada Wasi atau Pentadbir harta si mati. Bank hendaklah menyerahkan wang di dalam akaun tersebut sepertimana dinyatakan dalam Suratkuasa Perintah.

19.4.2.3 Semua meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut boleh dibekukan, Bank akan menyerahkan keseluruhan wang tersebut kepada Wasi atau Pentadbir harta kepada mana-mana pemegang akaun bersama yang pertama sekali membuat permohonan dengan mengemukakan Suratkuasa Perintah.

19.4.3 Tertakluk kepada klausa 19.4.1 di atas, bagi akaun bersama yang melibatkan dua atau lebih penandatanganan yang dibenarkan:

19.4.3.1 Salah seorang meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut boleh dibekukan sehingga Bank menerima permohonan daripada pemegang akaun bersama yang masih hidup berserta kebenaran bertulis daripada semua penandatanganan yang dibenarkan yang lain dan Suratkuasa Perintah bagi membolehkan akaun tersebut diaktifkan semula.

19.4.3.2 Dua atau lebih meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut boleh dibekukan sehingga Bank menerima permohonan daripada pemegang akaun bersama yang masih hidup berserta kebenaran bertulis daripada semua penandatanganan yang dibenarkan yang lain dan Suratkuasa Perintah bagi membolehkan akaun tersebut diaktifkan semula.

19.4.3.3 Salah seorang meninggal dunia dan pemegang akaun bersama yang masih hidup adalah *minor*

Wang di dalam akaun bersama tersebut boleh dibekukan sehingga Bank menerima Surat Pentadbiran (Perintah Pentadbiran) daripada Wasi atau Pentadbir harta si mati. Bank hendaklah menyerahkan wang di dalam akaun tersebut sepertimana dinyatakan di dalam Perintah Pentadbiran. Bayaran oleh Bank berhubung dengan jumlah baki di dalam akaun bersama tersebut hendaklah menjadi pelepasan yang sempurna oleh pihak Bank berkenaan akaun tersebut.

19.4.3.4 Semua meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut boleh dibekukan. Bank akan menyerahkan keseluruhan wang kepada Wasi atau Pentadbir harta kepada mana-mana pemegang akaun bersama yang pertama sekali membuat permohonan dengan mengemukakan Suratkuasa Perintah. Bayaran oleh pihak Bank berhubung dengan jumlah baki di dalam akaun tersebut hendaklah menjadi pelepasan yang sempurna oleh pihak Bank berkenaan akaun tersebut.

- 19.4.4 Bayaran oleh pihak Bank berhubung dengan jumlah baki di dalam akaun tersebut hendaklah menjadi pelepasan yang sempurna oleh pihak Bank berkenaan akaun tersebut.
- 19.5 Sekiranya permohonan melibatkan akaun amanah di mana kanak-kanak telah mencapai umur lapan belas (18) tahun, kanak-kanak tersebut boleh membuat penutupan akaun tanpa mengira jumlah baki akaun setelah pihak Bank mendapat pengesahan bahawa pemegang amanah telah meninggal dunia.
- 19.6 Pengeluaran akaun si mati dan/atau melibatkan si mati adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Bank dari semasa ke semasa.

## **20. PEMBEKUAN ATAU PENUTUPAN AKAUN DAN/ATAU PENAMATAN KHIDMAT KAD AGRO VISA DEBIT-i DAN KEMUDAHAN PEMBANKAN INTERNET**

- 20.1 Pihak Bank adalah berhak pada bila-bila masa, dengan atau tanpa apa-apa notis terlebih dahulu kepada Pelanggan, setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, untuk menjalankan pembekuan akaun dan/atau penamatan kemudahan kad debit dan perbankan internet antara lain tidak melaksanakan atau menjalankan apa-apa transaksi termasuk pembayaran apa-apa wang, cek atau apa-apa instrumen lain atau apa-apa arahan pembayaran daripada akaun Pelanggan dan/atau pungutan cek, deposit wang atau apa-apa instrumen lain atau apa-apa arahan untuk melaksanakan penerimaan bayaran ke dalam Akaun Deposit Pelanggan ("Pembekuan Akaun") tetapi tidak terhad kepada berlakunya mana-mana satu daripada peristiwa yang berikut :-
- a. Menurut keperluan di bawah undang-undang, perintah mahkamah, akta, peraturan, enakmen atau sebarang arahan peraturan atau arahan daripada pihak penguatkuasa dan Terma dan Syarat ini;
  - b. Jika pemegang akaun meninggal dunia, jika pemegang akaun adalah Individu, atau penandatanganan yang dibenarkan untuk mengendalikan akaun bagi perkongsian dan/atau syarikat atau apa-apa entiti yang sah tertentu. Bank akan terus melaksanakan Pembekuan Akaun sehingga mandat baru atau penandatanganan yang dibenarkan yang baru diberikan kepada Bank;
  - c. Apabila Bank diberitahu atau menyedari bahawa Pelanggan telah melakukan tindakan kebangkrapan dan/atau petisyen untuk pembubaran untuk kebangkrapan telah dikemukakan terhadap Pelanggan;
  - d. Sekiranya Bank menerima laporan polis dibuat sama ada oleh pihak Bank atau mana-mana pihak berkenaan dengan Akaun Deposit;
  - e. Apabila Bank mengetahui tentang keupayaan mental Pelanggan untuk menguruskan akaun Pelanggan adalah diragui;
  - f. Apabila Bank mengesyaki apa-apa aktiviti penipuan berhubung dengan Akaun Deposit dan Bank mengikut pendapat penuh dan munasabahnyanya berpandangan bahawa maklumat/dokumen yang diberikan kepada Bank untuk pembukaan Akaun Deposit didapati palsu dan/atau tidak betul dan/atau diubah dan/atau salah nyata identiti;

- g. Apabila Bank diberitahu dan/atau diminta oleh mana-mana pihak berkuasa termasuk tetapi tidak terhad kepada BNM, polis atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kawal selia sama ada tempatan atau antarabangsa (“Pihak Berkuasa”) untuk tidak membuat apa-apa transaksi di bawah Akaun Deposit Pelanggan;
  - h. Apabila Bank mengetahui tentang aduan yang telah dibuat oleh pihak ketiga dengan polis atau Pihak Berkuasa lain bahawa Akaun Deposit telah digunakan untuk menjalankan apa-apa transaksi penipuan dan/atau deposit dan/atau komplot dan/atau mencari deposit haram dengan syarat perbuatan Bank untuk membekukan Akaun Deposit adalah menurut pendapatnya berdasarkan penyiasatan dalaman Bank sendiri atau maklumat yang diberikan kepada Bank oleh polis dan/atau Pihak Berkuasa.
- 20.2 Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank berhak untuk menutup Akaun Deposit Pelanggan serta-merta berdasarkan kepada keadaan-keadaan berikut:
- a. menurut keperluan di bawah undang-undang, perintah mahkamah, akta, peraturan, enakmen atau arahan oleh Pihak Berkuasa;
  - b. menurut terma di bawah Terma dan Syarat ini;
  - c. jika Pelanggan telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
  - d. sekiranya Bank diarahkan oleh *official assignee*, pelikuidasi atau pegawai penerima dan pengurus untuk berbuat demikian; dan/atau
  - e. sekiranya Bank pada pendapat munasabahnya bahawa mengekalkan Akaun Deposit Pelanggan adalah bertentangan dengan polisi Bank.
- 20.3 Bagi Kad Agro Visa Debit-*i*, Bank boleh menamatkan penggunaan kad dengan notis bertulis tanpa memberikan sebarang sebab untuk penamatan, dengan syarat Bank mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa pemegang kad telah menyalahgunakan kad atau telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam ini. Selepas penamatan tersebut, kad akan dibatalkan serta-merta sama ada kad dipulangkan oleh pemegang kad kepada Bank atau tidak.
- 20.4 Pemegang kad pada bila-bila masa boleh menamatkan penggunaan kad dengan menghantar notis bertulis kepada Bank dan memulangkan kad kepada Bank. Walau bagaimanapun, tiada pemulangan yuran tahunan atau sebahagian daripadanya akan dibuat.
- 20.5 Dalam membekukan atau menutup Akaun Deposit Pelanggan menurut klausa 20.1 dan 20.2 di atas, Bank:-
- a. akan menggunakan budi bicara yang munasabah sama ada untuk memberikan notis kepada Pelanggan berhubung pembekuan atau penutupan akaun tersebut;
  - b. boleh tetapi tidak bertanggungjawab untuk mendedahkan sebab pembekuan atau penutupan akaun tersebut; melainkan ia dikehendaki oleh undang-undang.

20.6 Pelanggan bersetuju untuk mematuhi semua keperluan dan prosedur Bank bagi penutupan akaun termasuk membayar sebarang caj perkhidmatan (jika ada) yang dikenakan oleh Bank untuk penutupan tersebut.

## 21. AKAUN LUAR (“EXTERNAL ACCOUNT”)

21.1 Pihak Bank boleh menawarkan kemudahan pembayaran, penerimaan atau pemindahan dari atau ke dalam Akaun Luar (“*External Account*”) untuk sebarang tujuan sehingga:

- a. RM10,000 bagi setiap transaksi; atau
- b. Sebarang jumlah untuk :
  - (i) Pengeluaran wang melalui kaunter Bank;
  - (ii) Pemindahan wang antara Akaun Luar (“*External Account*”) oleh pemegang akaun yang sama;
  - (iii) Pemindahan wang antara Akaun Luar (“*External Account*”) NRFIs yang merupakan ahli *China Foreign Exchange Trade System* (CFETS) bagi penyelesaian pembelian, penjualan atau pertukaran Ringgit kepada Renmimbi (¥) yang dilakukan pada CFETS untuk penyelesaian perdagangan antarabangsa ke atas barang atau perkhidmatan dengan Residen; atau
- c. Sebarang jumlah bagi *External Account (Exempted Group)* untuk :
  - (i) Konsulat, Pesuruhjaya Tertinggi atau Kedutaan;
  - (ii) Individu yang menyertai di dalam program *Malaysia My Second Home*; atau
  - (iii) Individu yang bekerja atau belajar di Malaysia termasuk pasangan, anak atau ibu bapa yang tinggal di Malaysia.

## 22. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

22.1 Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut Undang-Undang Malaysia dan kaedah-kaedah, peraturan dan garis panduan BNM dan badan-badan lain yang berkaitan, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa (termasuk pindaan, pengubahsuaian, peningkatan, pertukaran, penggantian yang dibuat daripadanya).

## 23. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

23.1 Apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Terma dan Syarat ini, atau pelanggaran, penamatan atau ketidaksahan apa-apa perkara di dalam Terma dan Syarat ini, bolehlah diselesaikan setakat mana yang boleh melalui rundingan dan persetujuan bersama.

23.2 Sekiranya kesemua pihak tidak dapat mencapai persetujuan bersama di dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas notis daripada mana-mana Pihak yang berkenaan, maka pertikaian hendaklah diselesaikan melalui timbang tara atau Mahkamah Malaysia. Keputusan penimbang tara atau Mahkamah Malaysia adalah muktamad dan mengikat kesemua pihak.

## 24. HAD LIABILITI

24.1 Pelanggan hendaklah mengganti rugi sepenuhnya kepada Bank terhadap apa-apa kerosakan, kerugian atau kos atau perbelanjaan yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank akibat daripada kegagalan Pelanggan dalam melaksanakan apa-apa kewajipannya berhubung dengan Terma dan Syarat.

- 24.2 Melainkan dengan nyatanya diperuntukkan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan (termasuk apa-apa garis panduan, pekeliling atau kaedah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan). Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan sekali-kali bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan untung, kehilangan perniagaan, kehilangan penggunaan, kehilangan nama baik, kehilangan simpanan atau ganti rugi turutan, khas, sampingan, tidak langsung, teladan atau hukuman lain yang Pelanggan tanggung disebabkan oleh apa-apa kelewatan untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan atau melanggar apa-apa obligasi Bank.
- 24.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan, kerosakan, kecederaan, kesulitan atau tanggungan berat yang dialami oleh Pelanggan oleh sebab apa-apa kelewatan dalam melaksanakan atau tidak melaksanakan apa-apa obligasi Bank dalam Terma dan Syarat ini disebabkan oleh apa-apa punca di luar kawalan yang munasabah oleh Bank termasuk punca seperti kegagalan, kepincangan tugas atau gangguan sistem komputer, elektronik, elektrik atau gangguan, terputus bekalan, kerosakan atau kegagalan bekalan elektrik atau kuasa bagi apa-apa tempoh masa.

## 25. YURAN DAN CAJ

- 25.1 Caj-caj yang dikenakan adalah berdasarkan kadar caj semasa Bank dan tertakluk pada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (sekiranya ada) atau apa-apa cukai yang ditetapkan oleh Menteri yang berkenaan (sila rujuk Laman Sesawang Agrobank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)) (pautan kepada Fi dan Caj). Pihak Bank hendaklah mematuhi segala peraturan-peraturan dan keputusan yang dikeluarkan oleh BNM.
- 25.2 Bagi penggunaan Kad Agro Visa Debit-*i*, pihak Bank berhak untuk mengenakan caj pra-kebenaran di mana ia merujuk kepada amaun pra-kebenaran yang akan didebitkan melalui Akaun apabila pemegang kad mengisi petrol dan membuat pembayaran menggunakan kad di dispenser minyak automatik atau membuat bayaran untuk pendaftaran bilik di hotel menggunakan kad atau apa-apa transaksi lain yang memerlukan kepada caj pra-kebenaran. Caj pra-kebenaran yang dimaksudkan adalah untuk kelulusan transaksi sahaja. Jumlah pra-kebenaran akan dilepaskan apabila jumlah transaksi sebenar telah didebitkan melalui akaun.
- 25.3 Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah yuran dan caj-*caj* berkaitan dengan Akaun Deposit dan Kad Agro Visa Debit-*i* dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari atau berkomunikasi mengenai perubahan tersebut dan notis atau apa-apa komunikasi berkenaan perubahan tersebut boleh dihantar secara persendirian atau melalui pos/biasa ke pihak Pelanggan di alamat terkini disimpan oleh pihak Bank atau dengan mempamerkan di premis Bank atau akhbar atau e-mel atau laman sesawang atau melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS).

**26. HAK UNTUK HAPUS KIRA**

26.1 Pelanggan adalah bersetuju sebagai tambahan kepada lien am atau hak-hak lain yang serupa, di mana Bank sebagai jurubank adalah berhak mengikut undang-undang, pada bila-bila masa setelah memberikan tujuh (7) hari notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan, menggabung atau menyatukan salah satu atau kesemua akaun Bank Pelanggan dengan sebarang liabiliti Pelanggan bersama Bank dan menolak selesai atau memindah mana-mana jumlah atau jumlah kredit yang belum selesai atau kesemua jumlah yang ada di dalam akaun Bank Pelanggan atau terhadap jumlah penyelesaian bagi mana-mana liabiliti Pelanggan, sama ada liabiliti Pelanggan tersebut adalah kontinjen, di luar jangkaan atau pada masa hadapan, pihak Bank adalah berhak untuk menahan mana-mana jumlah yang ada di dalam akaun Pelanggan bagi menampung setakat mana jumlah tanggungan Pelanggan bersama Bank.

**27. FORCE MAJEURE**

27.1 Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan kerana mana-mana sebab di luar kawalan Bank, termasuk dan tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, pandemik, wabak, bencana semula jadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat *Force Majeure* atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak bertanggungjawab dalam ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada sebab yang sama.

**28. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709) (PDPA)**

28.1 Dalam urusan Pelanggan dengan Bank, Bank boleh meminta Pelanggan untuk mengemukakan data peribadi mereka dan jika berkenaan, pekerja, ejen, pengarah, pihak yang boleh dihubungi, pemegang saham, wakil, pihak yang diberi kuasa dan butiran pemegang saham seperti yang didedahkan oleh Pelanggan sebelum atau semasa pelaksanaan Pembukaan Akaun Deposit bagi pelaksanaan kontrak, pemasaran, aktiviti perniagaan yang sah, pentadbiran dan tujuan kecekapan ekonomi.

Pelanggan dengan ini memberi jaminan kepada Bank bahawa Pelanggan telah mendapatkan kebenaran atau yang mana berkenaan, hendaklah mendapatkan kebenaran daripada pekerja, ejen, pengarah, pihak yang boleh dihubungi, pemegang saham, wakil dan pihak yang diberi kuasa oleh Pelanggan berhubung dengan pendedahan dan pemprosesan data peribadi mereka untuk tujuan tersebut di atas.

28.2 Pelanggan bersetuju dan membenarkan Bank untuk memproses (seperti yang ditakrifkan di bawah PDPA) termasuk memindahkan data peribadi Pelanggan kepada pihak luar yang lain di Malaysia dan di negara-negara lain, termasuk pihak/badan yang disenaraikan di bawah klausa 29 untuk penyelenggaraan, penyimpanan dan pengkelan data peribadi Pelanggan, di dalam atau di luar Malaysia berhubung dengan permohonan Pelanggan untuk produk dan perkhidmatan dan seterusnya untuk terus melaksanakan perjanjian kontrak yang dibuat antara Pelanggan dan Bank.

**Tanpa mengambilkira peruntukan di atas, Pelanggan boleh pada bila-bila masa menarik balik atau membatalkan kebenaran tersebut secara bertulis sepertimana dalam klausa Notis kecuali pendedahan tersebut adalah perlu bagi Bank untuk mematuhi mana-mana undang-undang atau keperluan kontrak.**

- 28.3 Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank, kakitangannya, wakil dan/atau ejennya boleh menghubungi Pelanggan dari masa ke masa melalui lawatan secara peribadi atau komunikasi lisan yang dilakukan melalui apa-apa cara komunikasi termasuk panggilan telefon tentang apa-apa produk dan promosi perkhidmatan melainkan Pelanggan membantah secara bertulis.
- 28.4 Pelanggan mengesahkan bahawa semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini semuanya benar, terkini dan tepat dan jika terdapat apa-apa perubahan dalam apa-apa maklumat atau data peribadi yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, Pelanggan hendaklah memberitahu Bank dengan kadar segera secara bertulis.
- 28.5 Pelanggan mengaku bahawa Pelanggan telah membaca terma-terma polisi Perlindungan Data Peribadi (Polisi PDP) yang boleh diakses melalui laman sesawang Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) dan sekiranya perlu, Pelanggan telah mendapatkan bantuan serta penjelasan sewajarnya dari pihak Bank sebelum Pelanggan bersetuju dengan transaksi ini. Pelanggan bersetuju untuk mematuhi terma Polisi PDP dan segala atau apa-apa pindaan akan datang.

## **29. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN**

- 29.1 Pelanggan bersetuju membenarkan Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindah, menyenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi Pelanggan menurut DFIA dan PDPA.
- 29.2 Pelanggan bersetuju dan membenarkan Bank menjalankan semakan kredit dan pengesahan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan dalam permohonan Pelanggan untuk Akaun Deposit atau perkhidmatan dengan mana-mana biro atau perbadanan kredit yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan memberikan maklumat kredit atau maklumat lain. Selaras dengan perenggan ini, Pelanggan membenarkan CTOS atau mana-mana biro atau perbadanan kredit lain untuk mendedahkan apa-apa maklumat dan/atau data yang berkaitan dengan Pelanggan sebagaimana yang diperlukan oleh Bank untuk tujuan yang tersebut di atas.
- 29.3 Pelanggan membenarkan Bank mendedahkan hal ehwal atau akaun Pelanggan kepada entiti lain termasuk cawangan Bank di Malaysia dan pihak-pihak/badan-badan yang disenaraikan dalam klausa 29.3 di bawah dengan syarat hal ehwal atau akaun Pelanggan dan data peribadi atau maklumat yang telah dimaklumkan oleh Pelanggan sebagai sulit, pihak yang menerima maklumat tersebut daripada Bank boleh diminta untuk mengakujaji bagi mengekalkan kerahsiaan data peribadi atau maklumat yang diterima:-
- (i) kepada entiti dalaman Bank atas dasar keperluan, termasuk kakitangan Bank;
  - (ii) kepada Unit Kredit Sentral, BNM, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) termasuk sepertimana dikehendaki di bawah peruntukan Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 ("ACP") bagi tujuan memudahkan pertukaran maklumat dan menurut perkiraan atau perjanjian percukaian yang berkuatkuasa di bawah seksyen 132, 132A atau 132B ACP;
  - (iii) kepada mana-mana rakan kongsi strategik produk dan perkhidmatan Bank yang berada di bawah obligasi kerahsiaan dengan Bank;



- (iv) kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pengawal selia atau badan kerajaan atau separa kerajaan yang berkaitan di Malaysia yang mempunyai bidang kuasa ke atas salah satu pihak atau atas Kemudahan Pembiayaan (jika perlu);
- (v) kepada mana-mana pihak berkuasa Kerajaan atau pengawal selia atau badan Kerajaan atau separa Kerajaan yang berkaitan di Malaysia di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi tujuan penyiasatan atau pendakwaan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (vi) kepada mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk institusi kewangan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan) atau lain-lain penasihat profesional Bank (termasuk pembekal sumber luaran, ejen kutipan hutang, auditor Bank, peguam, ejen, perunding);
- (vii) kepada pihak Pemberi Sekuriti;
- (viii) kepada mana-mana syarikat pengendali takaful yang diluluskan oleh Bank atau syarikat takaful lain (jika perlu) sekiranya terdapat sebarang permohonan untuk perlindungan takaful dikemukakan oleh Pelanggan kepada mana-mana syarikat pengendali takaful yang diluluskan oleh Bank atau syarikat takaful lain;
- (ix) untuk atau berhubung dengan apa-apa tindakan undang-undang, saman atau prosiding berkenaan Akaun Deposit, Kemudahan Pembiayaan atau sekuriti;
- (x) kepada mana-mana pihak ketiga, sekiranya diperlukan oleh apa-apa undang-undang, peraturan atau undang-undang kecil;
- (xi) kepada mana-mana pihak menurut kepada apa-apa pengaturan, komposisi, penstrukturan atau apa-apa cadangan pengaturan, komposisi atau penstrukturan antara kreditor Pelanggan;
- (xii) menurut apa-apa peruntukan undang-undang atau sapina.

Pendedahan dokumen, rekod dan/atau maklumat tersebut hanya dibuat oleh pihak Bank kepada mana-mana pihak yang berkaitan bagi keperluan yang berkaitan atas dasar kerahsiaan.

- 29.4 Pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju bahawa kebenaran yang diberikan di bawah perenggan ini adalah untuk tujuan seksyen 120 DFIA (dan termasuk apa-apa perubahan, modifikasi, penukaran dan pindaan ke atasnya) dan tiada keperluan kebenaran lanjut daripada Pelanggan untuk tujuan yang dinyatakan dalam perenggan ini.
- 29.5 Pelanggan juga mengesahkan mengaku bahawa Pelanggan telah membaca terma-terma polisi Perlindungan Data Peribadi ("Polisi PDP") yang boleh diakses melalui laman sesawang Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).

**Tanpa mengambilkira peruntukan di atas, Pelanggan boleh pada bila-bila masa untuk menarik balik atau membatalkan kebenaran tersebut secara bertulis sepertimana dalam klausa Notis kecualli pendedahan tersebut adalah perlu bagi Bank untuk mematuhi mana-mana undang-undang atau keperluan kontrak.**

**30. PEMBUKAAN AKAUN ONLINE (jika berkenaan)**Ciri-Ciri Perkhidmatan

- 30.1 Perkhidmatan pembukaan akaun secara *online* ditawarkan kepada Pelanggan baru dan sedia ada Agrobank yang ingin memohon pembukaan akaun secara *online* melalui laman web Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).
- 30.2 Perkhidmatan pembukaan akaun secara online disediakan di laman web Bank daripada jam 4.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam, setiap hari kecuali jika dinyatakan sebaliknya KECUALI dalam keadaan tertentu termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang keperluan penyelenggaraan rutin, kerosakan atau kegagalan sistem, tuntutan berlebihan terhadap sistem dan / atau keadaan yang berada di luar kawalan Bank.
- 30.3 Perkhidmatan pembukaan akaun *online* terbuka kepada semua INDIVIDU WARGANEGARA MALAYSIA SAHAJA berumur 18 tahun ke atas yang memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah iaitu MyKAD ATAU MyTENTERA SAHAJA).
- 30.4 BUKAN WARGANEGARA / PENDUDUK TETAP ATAU BUKAN PENDUDUK TETAP (NON-CITIZEN/NON-RESIDENT/PERMANENT RESIDENT) yang memiliki PASSPORT, MyPR, MyKAS atau selain daripada MyKAD/MyTENTERA adalah tidak dibenarkan untuk membuka akaun secara online.
- 30.5 HANYA AKAUN INDIVIDU SAHAJA YANG DITAWARKAN. AKAUN KANAK-KANAK, BERSAMA, PEMEGANG AMANAH DAN BUKAN INDIVIDU ADALAH TIDAK DITAWARKAN UNTUK DIBUKA SECARA ONLINE.
- 30.6 Jenis akaun yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Jenis Akaun (Penyata)	Deposit Permulaan	Baki Minimum
Simpanan / Giro i. AgroTani- <i>i</i> PLUS ii. AgroPerdana- <i>i</i>	RM50 minimum – RM200 maksimum RM100 minimum– RM200 maksimum	RM10 RM100
Deposit Berjangka – AgroPrimaS	RM500 minimum – RM1,000 maksimum	RM500

- 30.7 Pelanggan juga boleh menyertai keahlian Sahabat Agro semasa permohonan pembukaan akaun online. Butir-butir mengenai jenis produk di atas boleh didapati di laman web Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) dan Pelanggan dikehendaki membaca dan memahami terma & syarat dan lembaran maklumat produk untuk produk yang berkaitan sebelum memohon untuk sebarang produk yang ditawarkan oleh Bank.

Hak untuk Menolak

- 30.8 Bank atas budi bicara berhak menolak untuk memproses apa-apa permohonan yang dibuat oleh Pelanggan untuk pembukaan akaun secara online dan / atau tidak menerima apa-apa deposit wang yang didepositkan oleh Pelanggan sekiranya Pelanggan tidak memenuhi mana-mana atau semua keperluan Bank untuk proses pembukaan akaun.

Bayaran Deposit Awal

- 30.9 Pelanggan dikehendaki membuat pembayaran deposit awal secara online dengan jumlah minimum seperti yang dinyatakan dalam klausa 30.6 melalui platform Gerbang Pembayaran Webcash/Kiple yang dipautkan ke Borang Pembukaan Akaun Online.
- 30.10 Apabila pindahan perbankan *online* berjaya, Pelanggan akan dimaklumkan melalui pemberitahuan SMS bahawa Bank telah menerima pembayaran deposit permulaan dan Pelanggan akan dimaklumkan untuk menghadirkan diri ke cawangan terdekat Bank yang dipilih oleh Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan untuk menyelesaikan proses pembukaan akaun.
- 30.11 Apabila pindahan perbankan online berjaya, Pelanggan akan dimaklumkan melalui pemberitahuan SMS bahawa Bank telah menerima pembayaran deposit permulaan dan Pelanggan akan dimaklumkan untuk menghadirkan diri ke cawangan terdekat Bank yang dipilih oleh Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan untuk menyelesaikan proses pembukaan akaun.
- 30.12 Apabila pindahan perbankan online berjaya, Pelanggan akan dimaklumkan melalui pemberitahuan SMS bahawa Bank telah menerima pembayaran deposit permulaan dan Pelanggan akan dimaklumkan untuk menghadirkan diri ke cawangan terdekat Bank yang dipilih oleh Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan untuk menyelesaikan proses pembukaan akaun.

Bayaran Hibah / Keuntungan

- 30.13 Tiada keuntungan akan dibayar untuk deposit awal yang didepositkan semasa permohonan pembukaan akaun online. Pengiraan hibah / keuntungan (jika ada), hanya akan dikira daripada tarikh akaun dibuat dan diaktifkan di cawangan terpilih Bank.

Pelanggan Hadir ke Cawangan untuk Proses Pengaktifan (Akaun dan Penciptaan)

- 30.14 Akad pembukaan akaun akan hanya sah dimeterai apabila berlaku pengesahan, penciptaan dan pengaktifan akaun di Cawangan Agrobank yang terdekat yang telah dipilih pelanggan semasa membuat permohonan secara online dalam masa tujuh (7) hari perniagaan bermula daripada hari Pelanggan dimaklumkan untuk hadir melalui SMS / e-mel.
- 30.15 Bank mempunyai hak untuk tidak meneruskan permohonan bagi akaun melainkan dan sehingga Bank:-
- i. telah melakukan pengesahan ID terhadap Pelanggan dan menjalankan pemeriksaan latar belakang Pelanggan dan berpuas hati dengan hasil yang sama;
  - ii. menerima dokumen sokongan yang diperlukan untuk akaun tersebut, iaitu senarai yang telah disediakan kepada Pelanggan di dalam Borang Permohonan Pembukaan Akaun Online; atau
  - iii. berpuas hati bahawa maklumat yang diterima daripada Pelanggan berhubung dengan pembukaan akaun dianggap benar dan tepat; dan / atau
  - iv. berpuas hati bahawa Pelanggan telah memenuhi apa-apa keperluan tambahan lain seperti yang dikehendaki oleh Bank.
- 30.16 Pelanggan dikehendaki untuk memberikan dokumen ID yang sah (Mykad / MyTentera) yang akan digunakan oleh Bank untuk proses pengesahan.

- 30.17 Segala urusan niaga yang dijalankan di Bank adalah tertakluk kepada bukti pengenalan yang dikehendaki oleh Bank dan hendaklah disahkan mengikut cara dan kaedah sedemikian dan dengan apa-apa cara lain yang dianggap Bank patut daripada semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada pengenalpastian dengan cara pengesahan cap jari secara manual, secara elektronik dan / atau secara digital atau dengan apa cara atau cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- 30.18 Pelanggan mungkin dikehendaki untuk menyediakan dokumen sokongan tambahan lain untuk tujuan proses pengesahan ID dan Pelanggan dikehendaki menyediakan dokumen yang diminta dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan sebelum proses pengesahan, penciptaan dan pengaktifan akaun berlaku. Sekiranya gagal, permohonan akaun secara online Pelanggan akan dibatalkan secara automatik oleh sistem.
- 30.19 Tiada lanjutan tempoh akan diberikan selepas tamatnya tempoh tujuh (7) hari yang diberikan kepada Pelanggan untuk hadir di cawangan terpilih Bank untuk menyelesaikan proses pembukaan akaun.

#### Pengembalian Semula Deposit Awal

30.20 Bank akan mengembalikan semula deposit awal Pelanggan ke nombor akaun yang telah ditetapkan oleh Pelanggan semasa pendaftaran pembukaan akaun dalam masa lapan (8) hari perniagaan sekiranya berlaku perkara-perkara berikut:

- a) Pelanggan gagal untuk hadir ke cawangan terdekat Bank yang dipilih oleh Pelanggan untuk penyelesaian, pengesahan, penciptaan dan pengaktifan akaun dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan daripada diberitahu;
- b) Jika Bank mendapati bahawa maklumat yang diberikan oleh Pelanggan semasa permohonan bertentangan dengan maklumat dalam dokumen ID yang sah;

Di dalam keadaan tersebut, permohonan untuk pembukaan akaun oleh Pelanggan akan dibatalkan secara automatik dan deposit awal akan dikembalikan kepada akaun yang telah ditetapkan Pelanggan (tertakluk kepada caj yuran perkhidmatan sebanyak RM0.10 yang ditolak dari jumlah deposit awal) melalui Giro Antara Bank (IBG) pada hari ke-8 pada jam 5.00 petang / 11.00 malam, atau hari perniagaan berikutnya jika hari ke 8 jatuh pada hujung minggu / cuti umum.

#### Bayaran balik Manual Deposit Awal

- 30.21 Sekiranya pembayaran balik automatik gagal disebabkan oleh sebarang keadaan, SMS akan dihantar kepada Pelanggan untuk hadir ke cawangan terdekat Bank untuk tujuan pembayaran balik manual.
- 30.22 Pelanggan dikehendaki untuk membawa Kad Pengenalan dan penyata buku/akaun (jika ada) untuk tujuan bayaran balik manual.
- 30.23 Deposit awal akan kekal di dalam akaun lejar umum spesifik Bank dan akan dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut selepas satu (1) tahun tidak ada tuntutan yang dibuat oleh Pelanggan untuk jumlah bayaran balik.

Yuran & Caj (Caj Perkhidmatan)

30.24 Tiada caj dikenakan kepada Pelanggan bagi penggunaan perkhidmatan ini. Tetapi, sekiranya Pelanggan gagal hadir ke Cawangan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja, deposit awal akan dikembalikan kepada Pelanggan dan Pelanggan adalah dikenakan caj perkhidmatan seperti berikut;

- i. Bayaran sebanyak RM0.10 sebagai transaksi bayaran perkhidmatan Interbank Giro (IBG) bagi sebarang urusan Bayaran Balik (Pengembalian Automatik / Manual).

Permohonan tidak Berjaya

30.25 Data permohonan yang tidak berjaya akan dihapuskan dalam masa yang munasabah, tertakluk kepada keperluan berkanun yang berkaitan dengan pengekalan data. Penyingkiran data peribadi Pelanggan daripada sistem Bank tidak memerlukan komunikasi khusus di antara Pelanggan dan Bank.

**31. PERUNTUKAN SAMPINGAN**

- 31.1 Terma dan Syarat dalam dokumen ini adalah tidak terhad kepada apa yang terkandung di dalamnya. Pihak Bank berhak menambah, mengubah suai atau menghapuskan mana-mana peruntukan di dalam Terma dan Syarat ini. Apa-apa penambahan, pengubahsuaian atau penghapusan tersebut hendaklah mengikat ke atas Pelanggan dan dianggap telah dibawa ke perhatian Pelanggan melalui paparan di Bank dan di mana-mana cawangannya dan/atau mengiklankan melalui apa-apa cara lain yang mungkin dianggap sesuai oleh Bank serta tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah dengan notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan. Kesemua Terma dan Syarat dahulu hendaklah dibatalkan dan digantikan dengan Terma dan Syarat ini.
- 31.2 Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten atau terdapat percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana risalah pemasaran dan bahan-bahan promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosi, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- 31.3 Terma dan Syarat ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten atau terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Malaysia ini akan diguna pakai.
- 31.4 Bagi mendapatkan maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila kunjungi cawangan Agrobank berdekatan dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau hubungi pihak Bank di:
  - i. Pusat Panggilan Agrobank di 1-300-88-2476
  - ii. Melawat laman korporat di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)

- TAMAT -